



STATISTIK KERATAN AKHBAR MAC 2024

| BIL | TAJUK PERKARA | SUMBER/MUKA SURAT | TARIKH | BAHAGIAN/FAIL |
|-----|--|--------------------------|-------------|---------------|
| 1 | JTM KOMITED BANTU LAHIR GRADUAN TVET BERKUALITI | BERITA HARIAN MS 25 | 04 MAC 2024 | KPT |
| 2 | MOTIVASI CAPAI PUASA SHAWM KHUSUS AL KHUSUS | HARIAN METRO MS 15 | 04 MAC 2024 | AGAMA |
| 3 | GAJI MINIMUM GRADUAN RM 3000 | UTUSAN MALAYSIA MS 1 & 2 | 11 MAC 2024 | KPT |
| 4 | KPT FOKUS KESAN KEMUDAHAN PERLU DIPERBAIKI DI IPT | BERITA HARIAN MS 8 | 11 MAC 2024 | KPT |
| 5 | MENINGKATKAN KUALITI PUASA RASAI KELAZATAN IBADAH DARI AWAL | HARIAN METRO MS 15 | 11 MAC 2024 | AGAMA |
| 6 | ROMBAKAN SKIM PENCEN ELAK LEDAKAN PERBELANJAAN NEGARA | BERITA HARIAN MS 11 | 14 MAC 2024 | SEMASA |
| 7 | TIDAK SELESA DENGAN 'KEBENARAN YANG TIDAK SELESA' | UTUSAN MALAYSIA MS 15 | 14 MAC 2024 | SEMASA |
| 8 | TRANSFORMASI EKONOMI BUMIPUTRA SEDERAP SELANGKAH DENGAN IPT | UTUSAN MALAYSIA MS14 | 14 MAC 2024 | KPT |
| 9 | INISIATIF WAKAF PENDIDIKAN TINGGI MELALUI mywaqafPTPTN | BERITA HARIAN MS 17 | 14 MAC 2024 | SEMASA |
| 10 | INSENTIF AWAL KAJIAN SSPA SUNTIK MOTIVASI PENJAWAT AWAM | BERITA HARIAN MS 11 | 14 MAC 2024 | SEMASA |
| 11 | KURANG DANA PUNCA SUKAR KOMERSIAL PRODUK KAJIAN UA | BERITA HARIAN MS 7 | 14 MAC 2024 | KPT |
| 12 | BAHASA MELAYU IDENTITI NASIONAL | SINAR HARIAN MS 33 | 17 MAC 2024 | RENCANA |
| 13 | USAH TAASUB RAMALAN HARI KIAMAT, MUSLIM KENA ISTIQAMAH BERAMAL | BERITA HARIAN MS36 | 17 MAC 2024 | AGAMA |
| 14 | USAH BAZIRKAN HASIL INOVASI, SATU PRODUK CUKUP BIAYAI KEPERLUAN UA | BERITA HARIAN MS 10 | 18 MAC 2024 | KPT |
| 15 | PINDAAN TERBAHARU AUKU PERLUAS KEGIATAN MAHASISWA DI KAMPUS | BERITA HARIAN MS 08 | 19 MAC 2024 | KPT |
| 16 | ARKIB SENJATA PERTAHAN HAK DAN KEDAULATAN NEGARA | UTUSAN MALAYSIA MS 17 | 19 MAC 2024 | RENCANA |
| 17 | DASAR MALAYSIA CARI PELABUR, PULIH EKONOMI NEGARA - PM | UTUSAN MALAYSIA MS 3 | 19 MAC 2024 | SEMASA |
| 18 | 'ADA PIHK BERKEPENTINGAN MAHU CAMPUR URUS TADBIR MAHASISWA' | BERITA HARIAN MS 06 | 20 MAC 2024 | KPT |
| 19 | PINDAAN AUKU LAHIR PEMIMPIN LEBIH BAIK | UTUSAN MALAYSIA MS 15 | 29 MAC 2024 | RENCANA |
| 20 | 5 TERAS HEMAT UBAH CARA KERJA LAPUK PENJAWAT AWAM | BERITA HARIAN MS 10 | 29 MAC 2024 | SEMASA |

JUMLAH KESELURUHAN : 20

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: JTM KOMITED BANTU LAHIR GRADUAN TVET BERKUALITI

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 25

TARIKH : 04/03/2024

Pendidikan

25

JTM komited bantu lahir graduan TVET berkualiti

■ 4/3/2024 ms 25

Kuala Lumpur: Bagi membantu melahirkan graduan berkualiti dan memenuhi kehendak industri, Jabatan Tenaga Manusia (JTM) terus komited menganjurkan Pertandingan Kreativiti dan Inovasi (CITEC) bagi tahun ini bertemakan tema 'Kelestarian Inovasi, Teras Kemajuan TVET MADANI'.

Pertandingan itu yang diadakan sejak 2013 mensasarkan peserta dalam kalangan pelajar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) iaitu terdiri daripada Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM), sekolah menengah dan sekolah rendah.

Selain universiti awam seperti Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), politeknik, institut belia dan sukan, kolej Komuniti dan

Vokasional, ia turut merisaskan penyertaan daripada Jabatan Kerja Raya Jabatan Penjara.

Pengerusi CITEC 2024, Ts Dr Azli Amin Ahmad Raus, berkata dalam pertandingan itu peserta akan dinilai berdasarkan ke-

pada aspek keaslian, sumbangan penggunaan, gaya demonstrasi, potensi komersial dan mesra kitar semula.

"Ia bukan hanya dari perspektif teknikal, tetapi mereka juga harus menumpukan kepada kepuasan pelanggan melalui kreativiti persembahan, poster dan komunikasi."

"Setiap penyertaan diberikan sijil, manakala pemenang bagi setiap kategori menerima wang tunai dan pingat platinum, emas, perak dan gangsa."

"Selain itu, hadiah wang tunai turut disediakan kepada Anugerah Inovasi Terbaik dan Poster Terbaik," katanya dalam kenyataan media.



Azli Amin Ahmad Raus

TAJUK: MOTIVASI CAPAI PUASA SHAWM KHUSUS AL KHUSUS

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 15

TARIKH : 04/03/2024

Harian Metro | Isnin 04.03.2024

@hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my 15 addin

TINGKATAN ORANG BERPUASA

Motivasi capai puasa shawm khusus al-khusus

Bersama
Dr Azri Bhari**P**

uasa di bulan Ramadan adalah satu daripada rukun Islam yang diwajibkan bagi masyarakat Islam yang berkemampuan. Definisi puasa menurut syarak ialah menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa seperti menahan diri daripada makan, minum, maksiat serta perkara-perkara lain yang membatalkan puasa.

Bulan Ramadan menjadi bulan yang sangat istimewa kerana Allah SWT memerintahkan orang-orang beriman untuk melakukan ibadah puasa sepanjang bulan tersebut.

Imam al-Ghazali dalam menjelaskan keistimewaan ibadah puasa melalui perbandingan dengan Masjidil Haram. Masjid dan seluruh bumi adalah milik Allah, tetapi Kaabah itu adalah kehormatan Allah SWT. Begitu pula ibadah puasa, seluruh ibadah memang dilakukan untuk Allah, tetapi puasa adalah ibadah yang istimewa kerana khusus untuk Allah.


Perlu difahami sebab keistimewaan puasa adalah ibadah yang pengesahan atau verifikasi hanya dapat dilakukan oleh Allah SWT dan orang yang melaksanakannya. Berbeza dengan ibadah lain seperti solat, zakat dan haji yang dapat dilihat oleh orang lain secara langsung.

Seterusnya, puasa adalah dianggap perisai orang beriman melawan godaan syaitan. Ketika berpuasa, seseorang akan menahan diri daripada perkara yang bersifat syahwat dunia yang merupakan secara terang-terangan menentang syaitan. Oleh itu puasa dapat dikatakan sebagai perisai kerana dapat membenggu syaitan yang menggoda melalui syahwat.

Imam al-Ghazali dalam kitabnya *Ihya' Ulumiddin* mengklasifikasikan tingkatan atau darjat orang yang berpuasa kepada tiga bahagian.

Pertama puasa awam (shaum al-'awam) iaitu puasa hanya menahan perut daripada makan dan minum serta mengawal syahwat daripada tuntutan nafsu sahaja sepanjang tempoh berpuasa di siang hari.

Lazimnya, puasa ini adalah dilaksanakan oleh golongan awam atau orang yang baru



PUASA dianggap perisai orang beriman melawan godaan syaitan.

mula berpuasa yang sekadar menahan diri daripada makan, minum dan menjaga kemaluhan ketika sedang dalam tempoh berpuasa.

Puasa awam dilihat hanya menekankan aspek menahan diri daripada perkara yang membatalkan puasa secara jasmani sahaja, tidak memperhatikan aspek lain seperti batin dan fikiran.

Golongan yang berada pada tingkat puasa awam berpotensi melakukan dosa kerana hanya berpuasa secara jasmani, tetapi tidak dapat menahan pandangan, lisani dan anggota tubuh yang lain dalam perkara makruh. Contohnya berpuasa, tetapi mengisi waktu dengan menonton tayangan yang tidak penting dan bermanfaat atau perkara lainnya.

Kedua puasa khusus (shawm al-khusus) iaitu bukan sekadar menahan lapar, dahaga dan syahwat, bahkan turut menjaga pendengaran, penglihatan, percakapan serta seluruh anggota tubuh daripada melakukan perkara makruh, dosa dan maksiat.

Lazimnya, puasa ini dilaksanakan oleh golongan orang soleh yang berada pada tingkatan atau darjat kedua. Contohnya, golongan ini menundukkan pandangan daripada perkara yang melalaikan hati daripada mengingati Allah SWT.

Seterusnya, golongan ini akan berusaha menjaga percakapan daripada berbohong, mengumpat, mencela, memaki

dan sebagainya. Sebaliknya, golongan ini selalu memperbanyak zikir kepada Allah SWT dan membaca al-Quran.

Nabi SAW bersabda yang bermaksud: "Puasa adalah perisai, maka orang berpuasa janganlah berbuat kotor dan jangan pula berbuat perkara bodoh. Apabila ada orang yang mengajaknya berkelahi atau menghinanya maka katakanlah aku sedang berpuasa." (*Riwayat al-Bukhari*)

Selain itu, Nabi SAW bersabda yang bermaksud: "Sesiapa yang tidak meninggalkan perkataan keji (dusta) serta mengamalkannya, maka Allah tidak berhajat orang itu meninggalkan makan dan minumannya." (*Riwayat al-Bukhari*)

Terdapat enam cara atau kaedah untuk mencapai tingkatan puasa khusus iaitu menjaga pandangan, menjaga lidah, menjaga pendengaran, menjaga anggota badan daripada melakukan maksiat, tidak banyak makan ketika berbuka, wujudkan rasa takut dan khauf ketika berbuka.

Ketiga puasa paling khusus (shawm khusus al-khusus) iaitu puasa yang menjaga hati dan fikiran daripada mengingati perkara keduniaan, sebaliknya fokus dan menumpukan sepenuhnya kepada Allah SWT dan Hari Akhirat serta memikirkan dunia hanya untuk tuntutan agama sahaja.

Lazimnya, puasa ini merupakan puasa golongan para

Nabi, Siddiqin dan muqarrabin. Piawaian terbatas puasa bagi golongan ini sangat tinggi iaitu apabila terlintas di dalam hati dan fikiran tentang selain Allah SWT seperti cenderung memikirkan harta dan kekayaan dunia.

Bahkan, menurut golongan ini puasa dapat berkurang nilai dan dianggap batal sekiranya di dalam hati tersirat keraguan walaupun sedikit sahaja atas kekuasaan Allah SWT.

Demikianlah tingkatan atau darjat orang berpuasa yang boleh dijadikan panduan atau parameter untuk setiap masyarakat Islam untuk mengukur, menilai dan muhasabah terhadap tahap serta pencapaian puasa selama ini.

Pastinya bukan suatu perkara yang mudah bagi golongan orang awam untuk mencapai tahap kedua iaitu puasa khusus dan tahap ketiga iaitu tahap puasa khusus al-khusus, namun inilah titik permulaan sebagai pemungkin dan motivasi berusaha meningkatkan kualiti puasa pada tahun ini.

Berusahalah bersungguh-sungguh menanam tekad untuk berlatih menjadi lebih baik dalam berpuasa pada tahun ini, meskipun tidak sehebat spiritual orang soleh, para nabi, siddiqin dan muqarrabin.

Penulis Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi Mara (UiTM)



KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: GAJI MINIMUM GRADUAN RM 3000

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 1 & 2

TARIKH : 11/03/2024

Gaji minimum graduan RM3,000

Oleh YASMIN NATASHA HAIRUL
yasminalhairul@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Majikan perlu menetapkan kadar gaji minimum sekurang-kurangnya RM3,000 mengikut bidang dan kelayakan graduan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK), Wan Amsyar Hadie Wan Mahadi berkata, majikan perlu bijak dalam mengurus dan menangani isu ini dengan pelan tindakan yang lebih mampan bagi memajukan syarikat.

"Sudah tentu perkara (gaji minimum) ini secara tidak langsung memberi tekanan kepada mana-mana majikan, terutamanya dengan keadaan ekonomi semasa yang mencabar.

Bersambung di muka 3

Gaji minimum graduan RM3,000

Utusan 11/3/2024 M 2 / 1 / 2

Dari muka 1

"Namun, majikan perlu bijak dalam menguruskan dan menangani isu berkenaan bagi menarik minat golongan graduan untuk bekerja, dan sudah tentu berdasarkan kelayakan serta kemahiran mereka."

"MPPK menyokong sepenuhnya penetapan kadar gaji minimum tersebut supaya selaras dengan kos ekonomi yang semakin meningkat," katanya ketika dihubungi.

Terdaliulu, akhbar ini melaporkan, penetapan kadar gaji minimum untuk golongan siswazah dilihat sebagai langkah yang boleh menyelesaikan masalah gaji kecil dan pekerjaan yang tidak sepadan dengan kelayakan.

"Pakar akademik berpendangan, kerajaan mesti memu-

lakan langkah itu kerana tiada garis panduan berhubung penetapan gaji minimum siswazah peringkat ijazah sarjana muda, sehingga terdapat pihak mengambil kesempatan membeli gaji siswazah dengan nilai terlalu rendah."

Kerajaan pula ketika ini menetapkan kadar gaji minimum sebanyak RM1,500 untuk majikan yang mempunyai kurang daripada lima pekerja melibatkan beberapa sektor termasuk perladangan, pertanian dan pembuatan selepas Jabatan Pengurusan Negara (AGC) mewartakannya pada 27 April 2022.

Dalam pada itu, tambah Wan Amsyar Hadie, kadar gaji sepatutnya perlu diperluaskan di seluruh tempat dengan mengambil kira keadaan ekonomi semasa.

"Pihak kerajaan boleh mem-

berikan insentif seperti pengurangan cukai atau memberikan geran yang boleh membantu syarikat di luar untuk melaksanakan pemberian kadar gaji minimum yang setimpal."

"Insentif atau bantuan itu secara tidak langsung dapat mengurangkan kos dan tekanan yang dialami kebanyakan syarikat dalam mendapatkan pekerja-

"Golongan graduan juga pastinya lebih berminat untuk bekerja jika melihat tawaran gaji minimum yang setimpal kerana zaman kini, banyak komitmen perlu dilunaskan sebaik sahaja bekerja, sekali gus mengelakkan masalah 'brain drain' dalam negara," ujarnya.

Selain itu, isu gaji juga dikaitkan dengan keimbangan beberapa pihak mengenai golongan muda mungkin tidak lagi lagi berminat menyambung pen-

gajian ke peringkat lebih tinggi kerana beranggapan platform itu tidak mampu memberikan mereka pulangan yang setimpal.

Laporan terdahulu akhbar ini menyatakan ahli-ahli akademik percaya, golongan tersebut mungkin berpendapat segala pelaburan untuk meneruskan pengajian khususnya dalam bidang profesional, tidak setara dengan pulangan apabila bekerja.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pensyarah Kanan Jabatan Ekonomi dan Kewangan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr. Mohamad Idham Md. Razak berkata, kerajaan wajar menyemak semula purata gaji permulaan untuk peringkat ijazah dan industri bagi menetapkan jangkaan gaji yang realistik.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: KPT FOKUS KESAN KEMUDAHAN PERLU DIPERBAIKI DI IPT

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 08

TARIKH : 11/03/2024

KPT fokus kesan kemudahan perlu diperbaiki di IPT

Nilai: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan memberikan tumpuan kepada usaha mengenal pasti kemudahan prasaranan di kampus institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di seluruh negara yang memerlukan proses pembaikan dan dinaik taraf.

Menterinya, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, berkata pihaknya sudah mengarahkan pihak pengurusan universiti, politeknik dan kolej di bawah kerajaan itu untuk memberikan kerjasama berkaitan perkara berkenaan.

Beliau berkata, beliau telah melawat satu kampus Universiti Teknologi MARA (UiTM) di Sarawak beberapa hari lalu dan kepimpinan pelajar telah menyampaikan maklumat berkaitan keadaan asrama di kampus itu yang kurang memuaskan.

"Keutamaan perlu diberikan

kepada usaha membaik pulih khususnya tempat penginapan pelajar kita kerana ada tempat-tempat ini yang langsung tidak dibaik pulih lebih 20 tahun dan keadaan asrama usang.

"Menjadi tanggungjawab universiti, politeknik dan kolej untuk sampaikan maklumat ini. Malah, saya juga mengarahkan pihak berkenaan untuk memberikan keutamaan kepada aspek ini.

"Jangan kita tidak menjadikannya sebagai suatu keutamaan kerana ia membabitkan kepentingan pelajar, jika mereka tidak dapat melalui suasana persekitaran yang selesa di kampus," katanya selepas merasmikan Program Pemukiman Siswa dan Latihan Kepimpinan Muda Kebangsaan (KARISMA) di Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) di sini, semalam.

Mengulas mengenai isu beka-

lan air di kampus IPTA, Zambry berkata, sebelum ini ia banyak berlaku di Sabah, selain di Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang, namun kerajaan negeri sudah menggantikan paip yang lebuh besar.

"Pihak universiti diminta membuat persiapan awal bagi mengelak sebarang masalah yang bakal dihadapi pelajar seperti mana berlaku di Universiti Malaysia Sabah (UMS), sebelum ini.

"Kita perlu melihat perkara ini sebagai keutamaan untuk diam-bil tindakan, sebagai contoh air yang memerlukan tindakan segera kerana ia membabitkan survival pelajar.

"Sekiranya ia tidak dijadikan keutamaan sedangkan kita tahu masalah itu ada di situ, akhirnya ia akan terbiar. Kita perlu ambil langkah luar daripada kebiasaan," katanya.



Zambry pada sesi dialog sempena program KARISMA di AKEPT, Nilai, semalam.
(Foto BERNAMA)

TAJUK: MENINGKATKAN KUALITI PUASA RASAI KELAZATAN IBADAH DARI AWAL

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 15

TARIKH : 04/03/2024

Harian Metro | Isnin 11.03.2024

@hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my 15

addin

MENINGKATKAN KUALITI PUASA

Rasai kelazatan ibadah dari awalBersama
Dr Mohd
Shukri Hanapi

U

Jika kita benar-benar menghayati keistimewaan Ramadan, nescaya tidak akan melepaskan peluang untuk mengerjakan amal ibadah sepanjang Ramadan dengan hati ikhlas, tenang dan sempurna

ntuk memupuk insan supaya benar-benar memahami tujuan utama pensyariatan ibadah puasa Ramadan, mereka disarankan meneliti, memahami dan menghayati firman Allah SWT yang bermaksud, "Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa." (**Surah al-Baqarah ayat 183**)

Berdasarkan ayat ini, tujuan utama pensyariatan puasa Ramadan adalah untuk melahirkan insan bertakwa. Berhubung makna takwa ini, para ulama mengemukakan beberapa pengertian. Antaranya ialah meletakkan penghalang dan penghadang di antaramu dengan perkara yang diharamkan oleh Allah SWT; melaksanakan perintah Allah SWT dan menghindari larangan-Nya; dan melaksanakan amalan taat dan meninggalkan amalan maksiat.

Berhubung makna takwa juga, Sayyidina 'Umar al-Khattab r.a. pernah bertanya kepada Ubai bin Ka'ab, "Apakah takwa itu?" Ubai menjawab, "Wahai Amir al-Mukminin, tidakkah engku pernah memasuki jalan yang penuh berduri?" Kemudian Sayyidina 'Umar menjawab, "Ya." Ubai berkata, "Apakah yang engku lakukan?" Sayyidina 'Umar menjawab, "Aku menyingsingkan seluarku dan memerhatikan kakiku. Aku meletak satu langkah demi satu langkah dengan cermat kerana takut terkena duri." Ubai berkata, "Itulah takwa." Maksud takwa di sini ialah berhati-hati supaya tidak melakukan perkara yang ditegah dan diharamkan oleh Allah SWT.

Berdasarkan makna takwa ini, maka dapat dirumuskan bahawa puasa orang yang sekadar tidak makan dan minum pada siang hari Ramadan serta menjaga segala perkara yang membatalkan puasa sahaja adalah sama sekali tidak memadai. Walaupun puasanya sah di sisi syarak, ia tidak menepati tujuan utama puasa Ramadan.

Untuk penjanaan takwa, seseorang Muslim itu bukan sahaja dikehendaki mematuhi segala syarat yang ditetapkan dan menjauhi segala perkara yang membatalkan puasa, malah mereka juga dikehendaki

menghindari segala perkara yang dilarang dan diharamkan oleh Allah SWT seperti meninggalkan solat, mendedahkan aurat, mengeluarkan kata-kata kesat, melihat dan mendengar perkara maksiat, dan sebagainya. Sebenarnya hal ini boleh mengurangkan dan menjelaskan pahala ibadah puasa.

Untuk mempertingkatkan lagi kualiti puasa itu, kita dianjurkan memperbanyakkan amalan kebaikan, seperti solat sunat Tarawih, solat sunat witir, bertadarus al-Qur'an, iktikaf di masjid, berzikir, memperbanyak sedekah dan lain-lain. Inilah tahap puasa menjana takwa.

Oleh sebab itu, hampir setiap kali tibanya Ramadan, kita dituntut melakukan persediaan rapi bagi menempuh suasana Ramadan selama sebulan dengan tidak mengabaikan objektif utama puasa. Hal ini bagi mengelakkan masjid dan surau hanya meriah dengan dipenuhi para jemaah pada awal Ramadan. Kemerahan ini biasanya hanya seketika dan tidak kekal. Ia mula beransur suram pada pertengahan Ramadan disebabkan para jemaah mula berkurangan. Ia berkurang lagi menjelang hari-hari terakhir Ramadan. Dengan kata lain, semakin meningkatnya hari-hari dalam bulan Ramadan, semakin berkuranglah para jemaah di rumah Allah SWT.

Jika ditanyakan kepada golongan ini kenapa mereka tidak ke masjid atau surau, berbagai-bagai alasan yang diberikan. Misalnya, penat bekerja, imam membaca surah terlalu panjang, di rumah pun boleh solat, menjaga anak kerana isteri sibuk membuat persiapan raya, ingin membuat kuih raya, baju raya dan sebagainya. Sebenarnya inilah situasi yang sering ditemui dalam bulan Ramadan.

Hal ini sebenarnya jelas bertentangan dengan amalan Rasulullah SAW yang berusaha mempertingkatkan amal ibadah lebih-lebih lagi menjelang malam-malam terakhir Ramadan. Diriwayatkan daripada Sayyidatina A'isyah r.a. bahawa Rasulullah SAW apabila telah masuk 10 hari terakhir bulan Ramadan, Baginda SAW akan menghidupkan malam-malamnya, mengejutkan ahli keluarganya dan menunaikan solat sunat." (**Riwayat al-Bukhari dan Muslim**)

Punca utama berlakunya situasi begini kerana kurangnya penghayatan terhadap

keistimewaan dan kelebihan Ramadan. Keistimewaan dan kelebihan Ramadan banyak dijelaskan dalam Hadis Rasulullah SAW. Antaranya ialah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Apabila tiba bulan Ramadan, maka dibuka pintu-pintu syurga, dikunci pula pintu-pintu neraka dan semua syaitan akan dibelenggu."

(Riwayat Muslim)

Dalam hadis lain, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Sesiapa yang melakukan solat malam pada Ramadan kerana keimanan (kepada Allah) dan mengharapkan keredaan dan keampunan Allah semata-mata, maka diampunkan segala dosanya yang lalu." (**Riwayat al-Bukhari dan Muslim**)

Selain itu, dijelaskan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Sayyidatina A'isyah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Bersediahlah dengan bersungguh-sungguh untuk menemui Lailatul Qadar pada malam-malam ganjil dalam sepuluh malam terakhir dari Ramadan." (**Riwayat al-Bukhari**)

Apabila kurangnya penghayatan terhadap keistimewaan dan kelebihan Ramadan, amalan sunat dalam bulan Ramadan bagaikan tiada roh, malah mereka tidak sedikit pun merasai kelazatannya. Hal ini menyebabkan mereka malas dan lalai. Dengan itu, rahmat dan hikmah yang dihidangkan oleh Ramadan tidak dimanfaatkan dengan betul.

Jika umat Islam benar-benar menghayati keistimewaan dan kelebihan yang terdapat dalam bulan Ramadan, nescaya mereka tidak akan melepaskan peluang untuk mengerjakan amal ibadah sepanjang Ramadan dengan hati ikhlas, tenang dan sempurna. Dengan itu, masjid dan surau akan dipenuhi jemaah dari awal Ramadan hingga akhirnya.

Sempena kehadiran Ramadan tahun ini, apakah persediaan paling penting supaya situasi sebelum ini (tidak mengambil peluang beribadah) boleh dipertingkatkan supaya puasa kita mencapai tahap khawasil khawas (puasa orang khusus)?

Supaya sikap tidak mengambil peluang beribadah sebelum ini tidak berulang kembali, seseorang Muslim perlu bermuhasabah di manakah tahap puasanya sebelum ini. Jika puasanya hanya di tahap yang paling rendah, iaitu puasa orang awam (sekadar meninggalkan

makan, minum dan perkara membatalkan puasa) dia hendaklah berusaha mempertingkatkan tahap puasanya pada tahun ini sekurang-kurangnya dapat mencapai tahap kedua, iaitu puasa orang khas (mereka cuba berusaha menjaga akhlak dan melakukan perkara sunat bagi menambahkan lagi kualiti puasanya).

Jika puasanya sebelum ini sudah pun berada di tahap yang kedua, dia hendaklah berusaha pula untuk mencapai tahap puasa di tingkatan tertinggi, iaitu puasa paling khas (khawasil khawas). Untuk mencapai tahap puasa khawasil khawas, mereka bukan sahaja dituntut menjaga segala perkara yang membatalkan puasa, tetapi juga perkara yang boleh membatalkan pahala puasa. Anggota badan turut berpuasa dan hati pula sentiasa berzikir kepada Allah SWT. Inilah tingkatan puasa yang sepatutnya cuba dicapai oleh setiap Muslim. +

Bagai mencapai tahap puasa ini, seseorang Muslim itu perlu mempersiapkan diri dengan akhlak mulia. Antara akhlak mulia tersebut adalah dengan sentiasa menjaga lidah dan mulut. Orang yang berpuasa perlu menjaga lidah daripada bercakap perkara sia-sia dan keji. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Puasa itu adalah perisa. Maka janganlah orang yang berpuasa itu bercakap perkara keji dan janganlah dia melakukan perbuatan orang jahil." (**Riwayat al-Bukhari**)

Seseorang Muslim perlu memberi perhatian dalam hal ini supaya puasa yang dilaksanakan benar-benar berkualiti dan mendapat ganjaran sebagaimana yang dijanjikan oleh Allah SWT. Janganlah di akhirat nanti kita menyesal kerana puasa yang dikerjakan itu hanya sia-sia lantaran tidak mencapai standard yang ditetapkan.

Inilah amaran kepada golongan yang lalai dalam puasa. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Sesiapa yang tidak meninggalkan percakapan bohong dan berkelakuan buruk sedangkan ia berpuasa, baginya tidak ada kelebihan (pahala) di sisi Allah selain daripada lapar dan dahaga sahaja." (**Riwayat al-Bukhari**)

Penulis Pensyarah di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM)



TAJUK: ROMBAKAN SKIM PENCEN ELAK LEDAKAN PERBELANJAAN NEGARA

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 11

TARIKH : 14/03/2024

Komentar 11

Rombakan skim pencen elak ledakan perbelanjaan negara

Oleh Farah Shazwani Mohd Taib
bhrencana@bh.com.my



Ketua Penolong Pengarah Unit M-LEAP dan E-LEAP, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

Sejak kebelakangan ini hangat dibincangkan isu pemansuhan pencen kepada penjawat awam bermula lantikan Februari 2024. Hal ini menyebabkan kegusaran rakyat terutama lepasan graduan dan pencari kerja berhasrat bekerja dalam sektor kerajaan.

Pemansuhan pencen ini dilihat tidak menyelesaikan masalah dalam jangka masa pendek kerana rata-rata lantikan baharu ini hanya akan bersara 30 hingga 40 tahun lagi walhal bebanan sedia ada ini perlu diperhalusi.

Dipetik daripada Perbelanjaan Persekutuan 2023, jumlah tanggungan kerajaan bagi pembayaran pencen pada 2023 berjumlah RM31.7 bilion, hampir 10 peratus daripada jumlah perbelanjaan negara sebanyak RM388 bilion.

Nilai ini dijangka meningkat sebanyak RM47 bilion pada tahun ini dan terus meningkat sehingga RM120 bilion menjelang 2040. Fakta ini semestinya sesuatu yang tidak boleh dipandang enteng kerajaan dan rakyat kerana ia membabitkan beban negara.

Sejak 1980-an, kerajaan membelanjakan berbilion ringgit untuk menampung kos bayaran pencen dan faedah persaraan kepada pesara dan jumlah ini semakin meningkat tahun ke tahun didorong pertambahan bilangan pesara dan jangka hayat semakin bertambah, persaraan pilihan, penjawat awam meninggal dunia dalam perkhidmatan dan lain-lain. Terkini dianggarkan jumlah pesara kerajaan berjumlah 900,000 orang dengan penambahan 32,000 pesara baharu direkodkan setiap tahun.

Oleh itu, rombakan pada skim pencen perlu dibuat mengikut keadaan semasa meskipun ia langkah tidak popular demi kemaslahatan negara dan mengelakkan ledakan perbelanjaan negara pada masa akan datang.

Cadangan rombakan skim pencen

Dalam hal ini, penulis mengemukakan beberapa cadangan bagi rombakan skim pencen:

- Pertama, tempoh pembayaran pencen terbitan perlu dibuat bagi sesuatu tempoh sementara kepada bahu dan anak-anak selepas kematian pesara bagi membantu menyesuaikan mereka dengan keadaan ekonomi bukan sepanjang hayat.
- Kedua, bagi perkahwinan selepas persaraan, bahu tidak layak menerima pencen terbitan ini, dapat mengelakkan salah guna dan pertikaian berkenaan pencen terbitan ahli keluarga simati.
- Ketiga, jumlah peratusan pencen perlu dirombak berdasarkan gred terakhir penjawat awam daripada 40 hingga maksimum 60 peratus bagi kalangan sokongan yang rata-ratanya berpendapatan di bawah garis kemiskinan.
- Keempat, tempoh perkhidmatan bagi melayakkan penjawat awam menerima pencen harus dinasik dari 10 ke 25 tahun termasuk ahli dan lantikan politik.
- Kelima, kelayakan masuk ke dalam sektor awam perlu dinaikkan dari segi akademik dan bagi semua gred demi memastikan calon terbaik dipilih dengan menekankan kualiti berbanding kuantiti.

Inilah caruman yang dilaburkan di pasaran tempatan dan global dengan dividen kompetitif kepada setiap pencarum bagi memastikan kelestarian jumlah tabungan pencen pesara pada masa hadapan.

Justeru, mengikut keadaan semasa, pencen tidak boleh dianggap sebagai hak dan keistimewaan lagi bagi penjawat awam dan pelaksanaannya perlu sejajar perkembangan semasa serta ekonomi negara.

Mengikut keadaan semasa, pencen tidak boleh dianggap hak dan keistimewaan lagi bagi penjawat awam dan pelaksanaannya perlu sejajar dengan perkembangan semasa serta ekonomi negara

TAJUK: TIDAK SELESA DENGAN 'KEBENARAN YANG TIDAK SELESA'

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 15

TARIKH : 14/03/2024

Rencana

UIAM
BERHUJAHOleh
Dzulkifli
Abdul Razak

KITA terbaca komentar terkini dalam bahasa Inggeris yang dikatakan sebagai 'kebenaran yang tidak selesa' (*uncomfortable truth*). Yang tidak selesa kononnya kaum bukan Melayu, khasnya Cina, dianaktirikan oleh 'ibunda' sejak awal lagi.

Dan ini membuat kaum tersebut sukar untuk menyesuaikan diri seperti anak kandung. Ini yang dianggap sebagai 'kebenaran' mengikut pandangan seorang bekas ahli politik dan menteri. Daripada itu, mengikutnya, menyusur beberapa lagi 'kebenaran' yang juga 'tidak selesa'.

Mungkin ada betulnya, tetapi tidak kepada mereka khasnya yang benar-benar faham jati diri Melayu tulen.

Pertamanya, persona ibu dalam budaya Melayu membayang punca kasih sayang yang luhur dan tidak tolol bandingannya. Tidak berbelah bagi sebagai pengasuh utama keluarga, beliau kasih sayangnya yang sama-rata merupakan kunci kedamaian keluarga sehingga ke akhir hayat.

Itu pengorbanan jati ibu yang syurga terletak dibawah telapak kakinya. Sungguh hebat sekali. Bukan sembarang. Ia termasuk anak-anak angkat atau anak tiri. Pendek kata, keluhuran budi ibu menjadi penyuluh utama dalam menguruskan kebahagian seisi rumah tangga sehingga ke cucu-cicit.

Semua berpaksikan budi dan adab Melayu jati yang beramanah tinggi bentuknya. Yakni mempunyai nilai kesejagatan dan kemanusiaan *rahmatan lil alamin*. Bukan seperti 'ibu' orang politik, lebih kepada ibu (dan bapa) ayam yang menjaga puak masing-masing sahaja.

Maka apabila kefahaman mendalam ini dipindahkan kepada kerangka negara, ibu menjadi ibunda, keluarga menjadi masyarakat dan khalayak, anak-beranak menjadi rakyat jelata, baik yang kandung mahupun yang tidak.

Tergolong kaum yang dibawa masuk penjajah untuk kepentingan songsang. Terangkum juga dalam istilah yang sama. Yakni tidak dibezakan secara hakikat, bukan sepertimana yang didakwa sesetengah pihak mengikut sedap didengar-sahaja. Sungguhpun tidak selesa tatkala kepalsuannya begitu terserlah.



NEGARA memerlukan penyelesaian kebenaran yang adil dalam memastikan keharmonian masyarakat berbilang kaum terus dimartabatkan. - UTUSAN/PUQTRA HAIRY

Tidak selesa dengan 'kebenaran yang tidak selesa'

“
Yang amat nyata adalah kegagalan membentuk sebuah negara bangsa sebagai satu kelompok rakyat setia tidak berbelah apa lagi cenderung mengikut keturunan....”

Sekali gus melanggar batasan budi dan adab tempatan yang jati sehingga menjadikan keadaan tidak selesa. Hanya kali ini tidak bersangkut dengan ibunda (bagaimana yang difitnahkan), tetapi lebih kerana anak-anak yang kurang asuhan, khasnya anak angkat pilihan penjajah

untuk tujuan pecah dan perintah.

Dalam hal seumpama ini, pengaruh ibu mahupun ibunda tidak lagi berkesan, malah acuh tidak acuh dan tidak diambil peduli sama sekali sehingga salah dini hari. Tidak merentasi pendidikan pelbagai kaum, hatta budaya serta nilai.

Terpencil. Yang amat nyata adalah kegagalan membentuk sebuah negara bangsa sebagai satu kelompok rakyat setia tidak berbelah apa lagi cenderung mengikut keturunan berbanding kebangsaan yang merdeka seperti dipersejui semua.

Maka, ibu mana yang tidak kecewa, ibunda mana pula yang tidak merintih akibat kegagalan perpaduan setelah berdekad-dekad lamanya. Bukan salah ibu mengandung sekiranya anak tidak sudi membela budi akibat desakan tamakan dan penindasan. Misal, masih belum

Contoh terkini adalah isu Kampung Baru Cina serta bak kut teh yang lama terpendam, tiba-tiba ditimbulkan tanpa budi bicara bijaksana. Melumpuhkan lagi menggagalkan amalan bersatu padu sejak dari bangku sekolah lagi. Sekali lagi Kok Seong tegas menyatakan pengalaman serta pendapat ilmiahnya berdasarkan bukti luahan media baru-baru ini.

Sungguhpun pihak lawan ingin menafikannya, tetapi lebih menyerang aspek keperibadian beliau tanpa menyentuh hujah bernasnya. Apatah lagi ramai sedia maklum akan kenyataan sebenarnya umpama Kok Seong penjelaskan secara kukuh. Sepatutnya apa yang beliau katakan patut diperhalusi secara ilmiah, bukan beliau pula disiasat sepetimana seorang kemaruk publisiti murahan!

Saya sendiri tahu akan kes sekolah yang tidak menghiraukan penggunaan bahasa kebangsaan, sehingga mereka yang tidak fasih berbahasa Cina tidak dibawa terlibat semasa mesyuarat sekolah.

Kehadiran mereka ini tidak diendahkan. Begitu sekali kebiadaban yang perlu dihadapi dalam sebuah negara merdeka dan berdaulat. Bukan sebuah negara sepadu, tetapi umpama banyak dalam satu bersandarkan selera masing-masing.

Ada juga berpandangan kementerian dalam kementerian yang agak terbiasa dari anak kandung sendiri. Hal ini bukan lagi rahsia tetapi menular dalam budaya takut menegur sebagai satu hak untuk memanusiawikan pendidikan ala Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) diakari serta dibumikan.

Ekoran ini terdapat pula komentar yang meminta sel otak digunakan dengan lebih baik. Ia tidak mencukupi sekiranya tujuan songsang. Ternyata sel otak penting, namun tidak mampu membenihkan manusia menyeluruh atau sejahtera selaras FPK.

Yakni kearah negara-bangsa lebih kental dan silang budaya berdasarkan nilai tempatan yang berwarisan jati. Ini memerlukan juga sel-sel kalbu atau hati nurani untuk melaksanakan keimbangan menyeluruh untuk menyelesaikan 'kebenaran' dalam mencari jawapan yang adil, luhur dan saksama. Seadanya tidak 'kebenaran tidak selesa' kerana ia palsu kalau tidak munafik!

mampu bertutur dalam bahasa kebangsaan dengan fasih dan lancar. Sebaliknya dipolemikkan sebegitu rupa seolah-olah ia isu perkauman, bukan kenegaraan. Walaupun sudah mencegapi kewarganegaraan serta mengakui taat setia, apalah maknanya jika bahasa tidak menjadi cerminan dalam merapatkan perpaduan antara sesama rakyat.

Cukup amat berbeza dengan rakyat negara merdeka yang lain tatkala bahasa kebangsaan menjadi pertuturan umum dan kepunyaan semua yang bersumpah taat setia, sehidup semati untuk pertiwi.

Malang, cakap tidak serupa bikin dari dahulu hingga sekarang. Bertambah pula putar belit hari demi hari, segera menyerap kemunafikan dengan cukup jelas tanpa segan silu lagi. Bahkan lebih lantang dan dangkal kerana tidak siapa berani menegur atau menghulurkan keberlainan pendapat. Takut hilang kuasa dan pupus populariti merebut undi bersalut kemunafikan.

KAGUM

Disinilah kita kagum dengan pegangan Fellow Majlis Profesor Negara (MPN) dan Institut Masa Depan Malaysia (MASA), Profesor Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong yang tidak jemu-jemu menanam hakikat jati akan punca permasalahan yang masih berlarutan.

Sebagai seorang rakyat Malaysia mendahului keturunan kaumnya (bukan seperti yang dibawa oleh kelompok politik identiti sempit), hujah-hujahnya begitu sukar hendak dipatahkan pihak lawan yang sama keturunan sebagai dakyah perkauman.

TAJUK: TRANSFORMASI EKONOMI BUMIPUTRA SEDERAP SELANGKAH DENGAN IPT

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 14

TARIKH : 14/03/2024

RencanaUtusan Malaysia
KHAMIS • 14 MAC 2024

Transformasi ekonomi bumiputera sederap selangkah dengan IPT



RAZLICHE RAZAK

MENEPATI masa dan tuntutan. Itu yang disifatkan terhadap pengajuran Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 (KEB2024) beberapa hari lalu. Tidak ada istilah terlewat dalam mencari langkah pemula menggerak sesuatu yang perlu. Dan, KEB2024 adalah suatu keperluan dalam mengangkat dan memartabatkan kedudukan masyarakat bumiputera, khususnya dalam sektor ekonomi.

KEB2024 bukan semudah untuk ditafsirkan sebagai agenda politik, tetapi lebih kepada mencari formula 'menyegarkan' kedudukan ekonomi bumiputera.

Jelas, penjurusannya adalah soal survival bangsa, tanpa bermaksud untuk menyaingi sesiapa atau mana-mana pihak. Justeru, tidak perlu ada yang bersuara berbaur negatif mengingatkan masyarakat seolah-olah KEB2024 bermirip 'persaingan antara kaum' dalam bidang ekonomi.

Apa yang lebih penting, KEB2024 yang melahirkan konteks mentransformasikan ekonomi bumiputera perlu diterjemahkan pada tindakan yang berstruktur dan rapi, agar segala input dan cetusan idea berna dapat direalisasikan.

Sikap proaktif dalam menyusuli segala yang dirumuskan amat diperlukan. Apapun, ramai yang optimis, 10 resolusi atau kluster hasil dari perbincangan dapat dijayakan bercagarkan pendekatan positif, progresif dan inovatif.

Kekuatan sebuah bangsa tidak dapat dipisahkan dari aspek penguasaan ilmu dan ekonomi. Mentransformasikan ekonomi bumiputera boleh turut dimainkan peranan utama oleh institusi-institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan. Adunan ilmu yang meraungkumi kajian akademik, mencari penemuan kaedah baharu, bercorak praktikal dan terbaik dapat membantu para usahawan bumiputera terutama dalam



PENGANJURAN Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 (KEB2024) pada 29 Februari hingga 2 Mac lalu lebih kepada mencari formula 'menyegarkan' kedudukan ekonomi bumiputera.

“
Justeru, tidak perlu ada yang bersuara berbaur negatif mengingatkan masyarakat seolah-olah KEB2024 bermirip ‘persaingan antara kaum’ dalam bidang ekonomi.”

sektor industri kecil dan sederhana (IKS) melonjakkan penghasilan produk yang bermutu dan berdaya saing serta mampu meraih pendapatan lumayan.

Ditambah pula, pihak IPT boleh membantu membimbing para usahawan bumiputera secara 'dampingan'. Langkah ini memudahkan lagi proses pengembelangan usaha ke arah pencapaian kejayaan ke tahap optima. Ini sekali gus dapat menerapkan aspek ekonomi pengetahuan (K-Ekonomi), bersesuaian dengan persekitaran dan

tahap atau skala penglibatan usahawan itu sendiri.

Matlamat utamanya untuk menggalak dan mencipta pelbagai peluang yang mampu menjana pendapatan dan menjamin kebolehupayaan menyara diri.

USAHA UNIVERSITI

Sebagai sebuah universiti yang disinonimkan dengan Universiti Keusahawanan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bersedia meningkatkan pendekatan membantu dan membimbing khususnya para usahawan bumiputera tempatan agar dapat menjayakan sebarang bidang keusahawanan yang diceburi.

Kompenan tindakan yang boleh diselaraskan ialah menimba ilmu secara formal bersama aktiviti pengajian sebagaimana lazimnya menyediakan diri untuk bakal menjadi usahawan profesional dan berjaya serta mendapat pendedahan di lapangan, selain membantu meningkatkan kejayaan para usahawan tempatan.

Hasil percambahan fikiran dan idea pada KEB2024 seakan menambah inspirasi baru bagi UMK untuk terus berperanan membantu menyediakan landasan lebih tepat dan kukuh bagi mengupayakan ekonomi

bumiputera khususnya melalui pemerkaaan sektor pendidikan.

UMK bersedia menyahut seruan dan cabaran menelusuri aspirasi KEB2024 untuk membantu negara di dalam memulihkan ekonomi melalui peningkatan ilmu dan produktiviti khususnya kepada kaum bumiputera.

Ada petunjuk-petunjuk jelas keberhasilan UMK dalam memperkasakan bidang keusahawanan bumiputera. Jumlah pelajar UMK yang terlibat dengan keusahawanan setakat ini seramai 3,069 orang. Sementara, antara yang terserlah kejayaan dalam Program Usahawan Sosial Bimbingan UMK ialah Perusahaan Ikan Bekok di Tumpat.

Ikan bekok diproses dengan rendaman garam dan pengeringan. Pengusahanya hanya bermula dengan berupaya memungut keuntungan sekitar RM900, kini melonjak pendapatannya sehingga mencecah RM11,000 sebulan.

UMK juga membantu memindahkan ilmu Modul Keusahawanan melalui Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPek). Seramai 14 orang golongan usahawan kurang upaya (OKU) berjaya

dibantu dan dibimbing untuk mempertingkatkan penghasilan dan penjualan produk-produk yang dicebur.

Cabar yang ditangani termasuk meningkatkan mutu pembungkusan dan pemasaran. Selain bergerak secara 'solo', UMK juga turut menjalin rangkaian kerjasama dengan pihak institusi-institusi kewangan dan badan-badan kebajikan tertentu bagi membantu memajukan para usahawan bumiputera.

Pendekatan inovasi akar umbi digunakan, menekankan penyelesaian komuniti untuk meningkatkan pendapatan B40. Integrasi kearifan tempatan dan pendidikan memperkuatkannya kebolehlaksanaan projek. Pendekatan yang diberi perhatian termasuk mendorong kesedaran terhadap aspek penjenamaan, pengendalian pembungkusan dan akses kepada pasaran yang lebih luas.

UMK berpegang kepada keyakinan, melalui pengeluaran tempatan dan penjenamaan yang sesuai, sesuatu produk dapat dihasilkan dengan tahap berkualiti dan berkuantiti tinggi, sekali gus turut menyumbang kepada perkembangan ekonomi masyarakat bumiputera.

Turut diambilkira ialah mengekalkan warisan budaya tempatan. Masih jauh perjalanan menemui destinasi kejayaan sebenar. Namun usaha berterusan bersama panduan ilmu dan pengkajian, rangka dan dasar kerajaan atau program baharu berkaitan memperkasakan ekonomi bumiputera diyakin dapat dibantu dengan efektif. Setidak-tidaknya dapat disesuaikan dengan kehendak semasa di samping menentukan masa depan yang terus terjamin dan gemilang.

Berapa jauh pun jarak perjalanan, setiap derap langkah perlu disusun diatur agar destinasi tetap ditemui. Tiada yang mudah menggapai kejayaan tanpa usaha, ikhtiar berterusan. Semoga ayam di kepuk tidak kelaparan, itik di air tidak kehausan.

PROFESOR DATUK DR. RAZLICHE RAZAK ialah Naib Cancellor Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

TAJUK: INISIATIF WAKAF PENDIDIKAN TINGGI MELALUI myWaqafPTPTN

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 17

TARIKH : 14/03/2024

BH Khamis, 14 Mac 2024

Nasional

17



Mohd Na'im (tiga dari kanan) diiringi Norliza (kiri) ketika melancarkan myWaqafPTPTN di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Inisiatif Wakaf Pendidikan Tinggi Melalui myWaqafPTPTN

Penubuhan myWaqafPTPTN pelbagai sumber pembiayaan pendidikan tinggi

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kini menubuhkan dana wakaf pendidikan tinggi bagi memperluas sumber pembiayaan pendidikan tinggi selain pinjaman pendidikan sedia ada.

Dikenali sebagai myWaqafPTPTN, yang merupakan wakaf pendidikan tinggi hasil kerjasama antara PTPTN dan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) yang dimeterai pada 22 Februari lalu.

Ia akan membolehkan sumbangan diterima daripada orang ramai, syarikat korporat dan mana-mana organisasi untuk membantu mahasiswa dalam bentuk biasiswa pendidikan tinggi dan mengurangkan bebanan baya-

ran balik pinjaman atau keberhutangan oleh mahasiswa.

Menerusi inisiatif itu juga, keperluan PTPTN untuk mendapatkan dana serta jaminan daripada kerajaan sebagai sumber membiayai pinjaman pendidikan tinggi kepada mahasiswa dapat dikurangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, berkata Bulan Wakaf Kebangsaan 2024 (BWK 2024) akan memberi tumpuan kepada Wakaf Pendidikan Tinggi.

Beliau berkata, ilmuwan di institusi pendidikan tinggi digalakkan untuk menghasilkan pelbagai kajian ilmiah sebagai panduan kepada pemain wakaf.

"Kejayaan menubuhkan wakaf pendidikan tinggi hasil kerjasama YWM dan PTPTN wajar dicontohi oleh pelbagai pihak ke arah melestarikan budaya berwakaf dalam kalangan masyarakat dan mempelbagaikan sumber dana pembiayaan untuk generasi akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan BWK 2024 dan myWaqafPTPTN pada 11 Mac lalu.

Hadir sama pada majlis berkenaan, Pengurus PTPTN, Datuk Norliza Abdul Rahim; Ketua Pengarah JAWHAR, Datuk Selamat Paigo; Ketua Pegawai Eksekutif YWM, Dr Ridzwan Bakar dan Ke-

PTPTN berharap myWaqafPTPTN akan menjadi produk wakaf utama pilihan masyarakat Malaysia dalam usaha membantu lebih ramai mahasiswa terutama generasi akan datang.

Norliza
Abdul Rahim,
Pengurus
PTPTN

tua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid.

Mohd Na'im berkata, inisiatif itu juga dapat meningkatkan motivasi kepada mahasiswa meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi sekali gus menjana kepada pembangunan modal insan negara.

Semua terimaan dana wakaf myWaqafPTPTN akan diuruskan oleh YWM dan dilaburkan dalam pelaburan patuh syariah.

Jom Berwakaf
Demi Kelangsungan Pendidikan Tinggi

Kaedah Berwakaf



Anda boleh membuat pindahan wang ke akaun Maybank Waqaf Malaysia di RHB Islamic Bank melalui nombor akaun

RHB Islamic 2-12457-6006259-1

Produk wakaf pilihan rakyat

Sementara itu, Norliza berkata, pihaknya juga berharap myWaqafPTPTN akan menjadi produk wakaf utama pilihan masyarakat Malaysia dalam usaha membantu lebih ramai mahasiswa terutama generasi akan datang.

"Ini sekali gus memastikan kelestarian pendidikan tinggi selaras dengan slogan myWaqafPTPTN, 'Pendidikan Tinggi Untuk Semua', " katanya.

Setiap sumbangan kepada myWaqafPTPTN layak mendapat potongan cukai 10 peratus daripada pendapatan agregat di bawah Subseksyen 4(4)(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Jom berwakaf melalui myWaqafPTPTN demi kelangsungan dana pendidikan tinggi. Sumbangan boleh disalurkan ke akaun Yayasan Waqaf Malaysia-PTPTN di RHB Islamic Bank melalui nombor akaun 2-12457-6006259-1.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: INSENTIF AWAL KAJIAN SSPA Suntik Motivasi Penjawat Awam

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 11

TARIKH : 16/03/2024

Insentif awal Kajian SSPA suntik motivasi penjawat awam



Oleh Syed Mohamad Al Adros
Tuan Muning
bhrencana@bh.com.my

Menerusi Belanjawan 2024 dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 13 Oktober 2023, kerajaan mengumumkan bayaran insentif awal Kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) sebagai menghargai penjawat awam berkhidmat dengan setia dan berdedikasi.

Timbalan Ketua Pusat, Pusat Pengajaran Pengurusan dan Kepimpinan, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Malaysia

Ketika penjawat awam berada dalam cabaran ekonomi, insentif ini dilihat berupaya memberikan sokongan tambahan kepada kakitangan kerajaan dalam aspek meningkatkan kestabilan kewangan dan kesejahteraan keluarga.

Ini ditambah pula dengan cabaran ke naikan kos sara hidup kian mencabar, terutama bagi kakitangan gred rendah, Gred N11 yang masih menerima gaji permulaan sekitar RM1,216 sebulan.

Pada masa sama, pemberian insentif ini diharap dapat meningkatkan semangat dan kepuasan bekerja penjawat awam di samping menyuntik dorongan positif untuk lebih produktif, seterusnya cemerlang menyumbang tenaga kepada rakyat dan negara.

Kumpulan penjawat awam Gred 11 hingga Gred 56 menerima insentif sebanyak RM2,000 tanpa mengira status lantikan, iaitu sama ada berjawatan tetap, sementara atau kontrak. Pesara penjawat awam dan Jawatan Utama Sektor Awam

SABTU 16/3/2024 M/S 11

(JUSA) pula menerima RM1,000 seorang.

Pembaharuan kali ini menyaksikan insentif Kajian SSPA turut dipanjangkan kepada personel MySTEP, guru interim, pemandu yang dilantik pegawai Gred Utama B ke atas, anggota pentadbiran dan hakim.

Bukti keprihatinan kerajaan

Komitmen kerajaan dalam perkara ini diterjemahkan melalui penyaluran insentif awal Kajian SSPA berserta gaji Februari lalu, tepat dan sesuai pada masanya selaras dengan persiapan musim baharu persekolahan dan menyambut Ramadan.

Rata-rata penjawat awam menyambut baik inisiatif ini. Dari sudut pandang lain, insentif di berikan turut menggambarkan keprihatinan ke-

rajaan dalam usaha meningkatkan kebajikan penjawat awam.

Sudah tentu, penjawat awam berharap Kajian SSPA tahun 2024 bakal menghadiahkan hasil terbaik terhadap skim gaji kerajaan yang tidak pernah dikaji semula sejak lebih 10 tahun.

Kali terakhir kadar gaji penjawat awam di naikkan adalah pada 2013, iaitu membabitkan pemberian satu kenaikan gaji tahunan (KGT) antara RM80 hingga RM320.

Bahkan, kadar tuntutan perjalanan, bayaran hotel dan lojing sewajarnya turut diambil kira sebagai input dalam kajian ini memandangkan kadar sekarang adalah sangat rendah berbanding dengan kos perlu ditanggung penjawat awam terbabit dengan tugas rasmi di luar pejabat.

Kajian SSPA ini sepertutnya turut cakna kepada keperluan penjawat awam bersara pada 2024.

Hakikatnya, pemberian insentif awal Kajian SSPA ini memberikan implikasi positif kepada penjawat awam yang sekian lama menantikan ‘pemugaran’ kedudukan gaji semasa dilaksanakan susulan tidak lagi sepadan dengan kos sara hidup semasa yang tinggi.

Sungguhpun insentif diberikan bersifat sekali beri (*one-off*), namun bagi penjawat awam gred rendah yang gajinya di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK), sedikit sebanyak langkah strategik kerajaan ini memberikan nafas lega kepada mereka.

Seiring dengan tuntutan penyampaian sektor awam masa kini yang mahukan keberhasilan di luar ketaziman, semestinya suntikan imbuhan setimpal ialah sesuatu yang wajar.

Penjawat awam berharap Kajian SSPA tahun 2024 bakal menghadiahkan hasil terbaik terhadap skim gaji kerajaan yang tidak pernah dikaji semula sejak lebih 10 tahun

TAJUK: KURANG DANA PUNCA SUKAR KOMERSIAL PRODUK KAJIAN UA

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 07

TARIKH : 16/03/2024

BH Sabtu, 16 Mac 2024

Nasional

7

Kurang dana punca sukar komersial produk kajian UA

Penyelidikan perlu lalui pelbagai kriteria ketat, utamakan projek berpotensi tinggi

Oleh Ercy Gracella Ajos
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Keperluan pelaburan modal yang tinggi, hingga melebihi kemampuan bajet atau dana adalah halangan utama atau punca menyebabkan pengkomersialan produk hasil penyelidikan universiti awam (UA) terbantut.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Teknologi MARA (UiTM), Profesor Ts Dr Norazah Abd Rahman, menyifatkan usaha menaik taraf hasil penyelidikan kepada produk atau teknologi atau perkhidmatan yang boleh dikomersialkan adalah mencabar, terutama jika masih dalam peringkat awal dari segi Tahap Kesediaan Teknologi (TRL) iaitu satu hingga empat.

Beliau berkata, pada peringkat TRL 1-4 ini, teknologi memerlukan penyelidikan lanjutan dan pembangunan, bagi memastikan ia mencapai TRL 5 ke atas, dan seterusnya dapat dikomersialkan.

"Kita semua sedia maklum, kebanyakan geran pengkomersialan sedia ada membabitkan

proses tapisan yang sangat ketat bagi memastikan tiada risiko kegagalan dalam *Valley of Death* iaitu fasa kritis di mana hasil penyelidikan perlu dipindahkan dari peringkat penyelidikan ke pengkomersialan.

"Justeru itu, kebanyakan geran atau dana pengkomersialan menetapkan kriteria yang ketat serta mengutamakan projek yang mempunyai potensi pasaran yang besar, strategi pemasaran yang mantap dan berdaya saing, kemampuan teknologi serta ketersediaan industri untuk mengkomersialkan sesuatu produk dan teknologi," katanya kepada BH.

Norazah berkata, proses pengkomersialan produk dan teknologi memerlukan masa dan perancangan yang teliti bagi memastikan teknologi tersebut tidak merugikan semua pemegang taruh yang terbabit.

"Pengurusan harta intelek yang mantap juga memainkan peranan penting bagi memastikan proses pengkomersialan produk dan teknologi membawa hasil yang lumayan.

"Universiti adalah medan pen-

carian ilmu, kajian dan penemuan baharu. Menerusi pendekatan seimbang, universiti boleh menyokong usaha pengkomersialan hasil penyelidikan tanpa mengabaikan tujuan utamanya sebagai medan penyelidikan dan pembangunan ilmu pengetahuan," katanya.

Pelbagai bidang kemahiran
Tambahan lagi, setiap IPT mempunyai kekuatan dan keistimewaan dalam merangka hala tuju penyelidikan kerana setiap penyelidikan yang dijalankan mempunyai keunikan yang tersendiri.

"Sebagai contoh, sebagai salah satu universiti terkemuka di Malaysia, UiTM memiliki lebih daripada 9,000 warga akademik yang komited dalam menjalankan penyelidikan dan kajian yang berfokus dan berimpak dari kajian asas hingga kepada kajian terapan atau bersifat gunaan.

"Pengurusan kanan UiTM memainkan peranan dalam memacu penyelidik menghasilkan kajian yang berfokus dan bersasar dalam melestarikan ekonomi agar hasil kajian dapat mem-

berikan manfaat maksimum kepada masyarakat dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan mampan," katanya.

Norazah berkata, UiTM sentiasa memastikan penyelidiknya menjalin kerjasama pintar bersama industri dari peringkat awal penyelidikan bagi membantu teknologi/produk/perkhidmatan yang dihasil memenuhi keperluan dan kehendak pasaran.

"Sokongan yang diberikan kepada penyelidik UiTM termasuk menyediakan fasiliti serta infrastruktur untuk tujuan pengkomersialan dan menyokong kerjasama pintar dengan industri bagi mempercepat proses pengkomersialan terbabit antaranya program Micro-Industrial Hub Industrial Research Lab (MIH-IRL).

"Melalui kerjasama ini, pembangunan hasil penyelidikan yang dijalankan dirancang mengikut keperluan industri dan dapat meningkatkan kesediaan produk TRL ke aras yang lebih tinggi.

"Dalam melonjakkan produk hasil penyelidikan ke arah pengkomersialan, beberapa faktor memainkan peranan penting termasuklah kos tinggi diperlukan bagi membolehkan produk dihasilkan lebih berdaya saing dan mampu bertahan di pasaran.

"Justeru, melalui program ini, hasil penyelidikan yang telah melepas aras TRL 3 dipilih untuk menyertai program ini dan dengan kerjasama industri, aras kesediaan teknologi ini dapat diingkatkan," katanya.

Perjanjian JS-SEZ dijangka dimeterai akhir tahun

Kuala Lumpur: Perjanjian Bersama Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) di antara Malaysia dengan Singapura dijangka ditandatangani akhir tahun ini.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata perjanjian itu akan ditandatangani oleh perdana menteri kedua-dua negara semasa Sesi Retreat Pemimpin-Pemimpin Malaysia-Singapura ke-11 akhir tahun ini.

"Perjanjian bersama itu akan memperinci kerjasama yang dipersetujui kedua-dua negara bagi pembangunan JS-SEZ, termasuk sektor yang akan diberi tumpuan, lokasi serta insentif yang akan ditawarkan," kata dia dalam jawapan bertulis yang disiarkan di laman Parlimen kelmarin.

Beliau menjawab pertanyaan Jimmy Puah Wee Tse (PH-Tebrau) yang ingin tahu mengenai perkembangan terkini, hala tuju dan garis masa pelaksanaan JS-SEZ.

Rafizi berkata, pada masa ini, kerajaan negeri Johor sedang melaksanakan kajian JS-SEZ dan sudah mengemuka laporan interim kajian kepada Kementerian Ekonomi pada 29 Januari lalu.

Katanya, satu mesyuarat pernyelaras JS-SEZ yang dipergerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim diadakan pada 28 Februari lalu bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas kementerian dan agensi Persekutuan, sebelum dibincangkan dengan Singapura.

Pada 11 Januari lalu, Anwar

• Kebanyakan geran atau dana pengkomersialan menetapkan kriteria yang ketat serta mengutamakan projek yang mempunyai potensi pasaran yang besar



Norazah Abd Rahman,
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi) UiTM

TAJUK: BAHASA MELAYU IDENTITI NASIONAL

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 33

TARIKH : 17/03/2024

Bahasa Melayu identiti nasional



SUDUT
PANDANG
DR SIVAMURUGAN PANDIAN

SINAR 17/3/2024 MUL 33

Pada 26 Februari lalu, Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim telah menzahirkan kebimbangan apabila mendapat segelintir generasi hari ini masih belum menguasai Bahasa Melayu.

Titah Seri Paduka Baginda ketika merasmikan Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen ke-15 – “Saya perhatikan setelah 60 tahun Malaysia dibentuk, hubungan antara kaum masih belum sempurna kerana masih ada generasi hari ini yang gagal menguasai bahasa kebangsaan dan memahami budaya hidup kaum lain.”

Identiti nasional perlu dirujuk kepada keluhuran perlembagaan, fasih menguasai bahasa Melayu dan bangga menjadi warga tanah air ini. Perkara 152 Perlembagaan menyatakan (1) bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh

Parlimen, dengan syarat (a) tiada seorang pun boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakan (selain bagi maksud rasmi) atau daripada mengajar atau belajar apa-apa bahasa lain dan (b) tiada apa-apa juga dalam fasal ini boleh menjelaskan hak kerajaan Persekutuan atau hak mana-mana kerajaan negeri untuk memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain di dalam Persekutuan.

Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 (Akta 32) juga jelas. Ia menyatakan bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud urusan rasmi kecuali sebagaimana diperuntukkan dalam akta tersebut dan tertakluk perlindungan-perlindungan terkandung dalam Perkara 152 (1) (a) dan (b). Perlembagaan Persekutuan di atas berhubung dengan mana-mana bahasa lain dan bahasa mana-mana kaum lain di Malaysia.

Hatta, bahasa adalah simbol penyatuhan identiti nasional. Bahasa lain boleh dipelajari dan digunakan, itu tidak bermaksud bahasa Melayu dijadikan bahasa kedua. Walaupun kita berbeza latar agama, ras dan etnik merentasi Semenanjung dan Borneo, kita juga adalah benteng bahasa. Seorang yang berpatriotik kepada negara ini dengan bangga akan menguasai dan tidak se-

gan menggunakan bahasa Melayu sebagai alat komunikasi, perhubungan serta pengantar.

Jangan kita sengaja lupa bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan, tiang seri nasional kita. Renung sebentar bagaimana negara seperti Jepun, Sepanyol, Perancis mahupun Brazil bangga dengan bahasa nasional mereka. Barangkali bukan bahasa ibunda kita, nilai ‘ibu’ adalah antaranya kepada solidariti ke atas kemahiran bagi mempertahankan kedaulatan bahasa ini.

Sudah tiba masa kedudukannya sentiasa diperkemas. Kesungguhan mempertahankan kedudukan bahasa Melayu adalah tanggungjawab bersama. Apa gunanya ia sekadar menjadi seperti ‘menanam tebu di bibir’, akhirnya kita sekadar ‘alah sabung, menang sorak’.

Saya gusar bahasa Melayu menjadi picisan suatu hari kerana manipulasi, populariti dan eksploitasi. Bahasa melambangkan bangsa, ditikam bahasa, bernanahlah darah daging bangsa. Walau ada usaha berterusan penarafan antarabangsa dan mendepani cabaran teknologi serta globalisasi, itu tidak bermakna meminggirkan tanda bahasa kebangsaan adalah formulanya.

Titah Diraja Sultan Ibrahim adalah saranan mengemaskan diri mereka yang bangga menjadi warga negara ini yang

cirinya adalah nilai kebangsaan termasuk bahasa. Barangkali, perlu terus diperhebat dalam kesemua institusi dan struktur negara agar menjadi wadah induk perpaduan serta keharmonian masyarakat pelbagai latar tanah air.

Apa yang diwarisi diperturunkan melalui proses sosialisasi berterusan, namun pada masa sama jangan sese kali luntur pegangan sifat nasional kita.

Komunikasi yang menyeluruh membolehkan tiga nilai iaitu ‘faham, hormat, terima’ dalam kalangan masyarakat berbilang etnik diperkuuhkan.

Bahasa adalah lambang perpaduan. Keharmonian jiwanya perlu ada emosi dan akal. Apabila kita manusiakan dan merakyatkan nilai-nilai ini, ia wajar diterap serta dijadikan amalan.

Budi pekerti tinggi datangnya daripada kita jika benar-benar ikhlas untuk memartabatkan kedudukan bahasa Melayu sebagai identiti nasional secara berterusan dan kekal.

Jata negara ‘Bersekutu Bertambah Mutu’ adalah seruan kepada seluruh warganegara ini untuk kekal bermuafakat dan penghayatan ke atas Bahasa Melayu adalah salah satu mekanismenya.

* Profesor Datuk Dr Sivamurugan Pandian ialah pensyarah di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia

TAJUK: USAH TAASUB RAMALAN HARI KIAMAT, MUSLIM KENA ISTIQAMAH BERAMAL

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 36

TARIKH : 17/03/2024

17 MAC 2024 **BH AHAD**

36

PERSPEKTIF

AGAMA

Usah taasub ramalan hari kiamat, Muslim kena istiqamah beramal

Umat Islam jangan percaya momokan tarikh tidak betul sehingga menimbulkan kebimbangan

Oleh Abnor Hamizam Abd Manap
bhagama@bh.com.my

Kedatangan hari kiamat itu pasti berdasarkan al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Akan tetapi taasub kepada bilakah waktu berlaku kiamat dengan mengaitkannya kepada ramalan cuaca melanda dunia boleh dianggap keterlaluan.

Terbaru, ada pihak mengaitkan kiamat bakal berlaku tidak lama lagi susulan ramalan berlaku kemarau serius pada 2025 hingga 2035 dan sebahagian besar Pantai Barat Semenanjung tenggelam pada 2050.

Dalam hadi ini, umat Islam perlu berpegang teguh pada qada dan qadar Allah SWT, yang Maha Kuasa menentukan sesuatu kejadian termasuk bila akan terjadi hari kiamat.

Namun, Islam tidak menolak mentah-mentah sebarang ramalan atau jangkaan dikaji cerdik pandai dalam bidang masing-masing memandangkan ia adalah kepakanan dan ilmu dipelajari, sesuai kehendak Islam mahu umatnya menuntut ilmu.

Pensyarah Wacana Aqidah, Fiqh dan I'jaz al-Quran, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Sukki Othman berkata, Islam terbuka dengan semua ramalan dilakukan pakar seperti cuaca, gempa bumi dan sebagainya.

Ramalan tidak menjadi masalah kepada umat Islam katanya, namun apabila ramalan itu dipesong segelintir pihak kononnya ketika ini dunia berada pada akhir zaman, maka ia harus dinilai semula dari sudut agama.

“Sebagai contoh, pernah diramalkan matahari akan terbit dari Barat pada 2015 selain beberapa ramalan bumi bergerak lebih pantas pada 2014, namun sehingga hari ini tiada apa pun berlaku.

“Apabila disebut akhir zaman, ramai beranggapan akan lahir Imam Mahdi dan dajal. Inilah sebenarnya isu perlu diberi perhatian umat Islam,” katanya.

Mohd Sukki berkata, dalam isu ramalan kemarau serius dan kaitan dengan kiamat, ia ia bukan

sahaja berlaku di Malaysia tetapi di seluruh dunia namun apabila kemarau panjang berlaku di negara ini, ia dikaitkan pula kemunculan dajal.

Jelasnya, mengaitkan kemunculan dajal dengan ramalan kemarau serius pada 2025 sehingga 2030 di negara ini sebelum disusuli banjir tidak bertepatan dengan hadis sahih Nabi SAW.

Katanya, ia berdasarkan hadis Nabi SAW bermaksud: “Sesungguhnya sebelum keluar dajal, terdapat tiga tahun yang sukar, manusia akan ditimpah dengan kelaparan hebat”. (HR Ibnu Majah)

Katanya, hadis itu menjelaskan akan berlaku kemarau selama tiga tahun iaitu pada tahun pertama tiada hujan pada kadar satu pertiga, tahun kedua pula tiada hujan sehingga dua pertiga dan tahun ketiga langsung tiada hujan.

“Namun apabila berlaku kemarau di Malaysia dan terus dikaitkan dengan kemunculan dajal dan kiamat, itu tidak betul.

“Banyak lagi negara lain mengalami kemarau sepanjang tahun, adakah dajal akan muncul di negara itu. Dajal tidak akan muncul di negara ini sebaliknya di negara Asia Barat seperti mana hadis daripada Saidina Abu Bakar As-Siddiq RA riwayat Tirmizi: “Bermula dajal itu akan keluar di bumi sebelah timur dipanggil sebagai Khurasan”.

“Disebabkan itu apabila kita berbicara mengenai peristiwa akhir zaman ini, kita meyakini apa yang

Nabi SAW sebut itu akan berlaku, Imam Mahdi dan dajal akan berlaku namun kesilapan kita apabila meletakkan tarikh dan tahun tertentu terutama apabila sesuatu ramalan kejadian fenomena alam dikeluarkan.

“Ia sesuatu yang salah kerana Nabi SAW tidak pernah mengajar umatnya begitu, malah Baginda juga tidak tahu tahun kelahiran Imam Mahdi serta kemunculan dajal disebabkan hanya Allah sahaja mengetahui,” katanya.

Banyakkan amalan soleh
Mohd Sukki berkata, apa yang dinyatakan Nabi Muhammad SAW mengenai kiamat dan akhir zaman ialah ‘ad-Dukhan’, dajal, dabbah, terbitnya matahari di sebelah barat, turunnya Nabi Isa, muncul Yakuj dan Makjuf serta tiga gerhana iaitu satu di timur, barat dan satu lagi di rantau atau jazirah Arab.

“Seterusnya, yang terakhir adalah keluarnya api dari Yaman yang menghalau manusia ke mahsyar mereka”.

Katanya, Baginda sendiri tidak tahu tarikh sebenar kiamat sebaliknya hanya memberi tanda-tanda sahaja.

“Malangnya umat Islam hari ini begitu mudah menetapkan tarikh kiamat berdasarkan sesuatu kejadian. Jika kita mau bercerita mengenai kejadian fenomena alam, ia tidak ada masalah, namun jangan ditokok tambah mengaitkannya dengan perkara hanya Allah sahaja mengetahui,” katanya.

Beliau berkata, sebelum kedatangan dajal dan Imam Mahdi,

banyak tanda belum berlaku, justeru umat Islam tidak perlu menetapkan tahun tertentu bagi menggambarkan kemunculan dajal, Imam Mahdi dan lain-lain lagi.

“Analognya ialah kita semua pasti akan mati tapi kita tidak mengetahui bilakah waktunya, cuma kita hendaklah mempersiapkan diri dengan amalan soleh untuk menghadapi kematian.

“Begitulah maklumat peristiwa akhir zaman berdasarkan hadis dan al-Quran, ia tetap akan berlaku sebagaimana dinyatakan Nabi SAW. Kita tidak tidak disuruh mencari waktu bilakah ia akan berlaku sebaliknya sentiasa mempersiapkan diri dengan melakukan amalan soleh.

“Kita perlu membuat persediaan dan persiapan dengan melakukan banyak amalan soleh, bukan terus dimomokkan dengan tarikh tidak betul sehingga menimbulkan kebimbangan ramai sedangkan hakikatnya kita sendiri tidak tahu bila kita akan mati,” katanya.

Katanya, umat Islam perlu menghayati firman Allah SWT bermaksud: “Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai hari kiamat, bilakah masa datangnya? Katakan, sesungguhnya pengetahuan mengeninya hanya ada di sisi Tuhanmu, tidak ada sesiapa pun dapat menerangkan kedatangannya pada waktunya melainkan Dia. (Huru-hara) hari kiamat itu amatlah berat (menggerunkan makhluk) di langit dan di bumi. Ia tidak datang kepada kamu melainkan secara mengejut. Mereka bertanya kepadamu seolah-olah engku sedia mengetahuinya. Katakanlah, sesungguhnya pengetahuan mengenai hari kiamat itu di sisi Allah, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui”. (Surah al-Araf, ayat 187)

Apabila berlaku kemarau di Malaysia dan terus dikaitkan dengan kemunculan dajal dan kiamat, itu tidak betul. (Foto hiasan)



“
Jika kita mau bercerita mengenai kejadian fenomena alam, ia tidak ada masalah, namun jangan ditokok tambah mengaitkannya dengan perkara hanya Allah sahaja mengetahui”
Mohd Sukki Othman



TAJUK: USAH BAZIRKAN HASIL INOVASI, SATU PRODUK CUKUP BIAYAI
KEPERLUAN UA

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 10

TARIKH : 18/03/2024

Isnin, 18 Mac 2024 BH

MukaSepuluh

E-mel: bhrencana@bh.com.my

BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

Usah bazirkan hasil inovasi, satu produk cukup biayai keperluan UA

- Hakikatnya, UA perlu mempunyai dasar jelas dan membina rancangan masa depan terang tanpa menggugat fungsi asasnya, iaitu pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan

- Universiti juga perlu proaktif untuk mendapatkan dana melalui penyelidikan industri yang umumnya untuk menyelesaikan masalah pengeluaran, menambah baik produk dan memperkenalkan produk baharu



Oleh Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo
bhrencana@bh.com.my

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Apabila dana kerajaan dikurangkan dan universiti awam (UA) perlu mencari pendapatan tambahan untuk menampung keperluan pengurusannya, pelbagai inisiatif dilaksanakan. Bagaimanapun, hampir semuanya tidak mendatangkan hasil memuaskan.

Selepas lebih 10 tahun, penubuhan anak syarikat milik universiti, kononnya boleh membawa 30 peratus keperluan kewangan, nampaknya keberkesanannya amat rendah. Hari ini kita dapat menyaksikan, universiti sendiri menjalankan perniagaan, ada kalanya bersaing dengan

anak syarikat sendiri. Ramai masih berpendapat, perkhidmatan pendidikan adalah tanggungjawab asas kerajaan, sekali gus menyebabkan usaha dibuat universiti tidak sesuai diniagakan. Begitupun, hari ini kita mendapati jumlah universiti swasta berkembang pesat sebagai institusi perniagaan dan mendapat sambutan serta membuat keuntungan.

Nampaknya pendidikan tinggi sudah menjadi produk perniagaan untuk meraih keuntungan lumayan.

Hakikatnya, UA perlu mempunyai dasar jelas dan membina rancangan masa depan terang tanpa menggugat fungsi asasnya, iaitu pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan.

Universiti Putra Malaysia (UPM) tidak terkecuali dalam membincangkan beberapa strategi dan transformasi pelaksanaan berpaksikan konsep gabungan pendanaan dan perniagaan bakal dipantau jawatankuasa lembaga. Begitupun, dasar tuntas masih diperlukan dan direstui Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Umpamanya, dalam konteks pendidikan, universiti masih boleh meneruskan tawaran program pengajian semasa dengan penambahbaikan berterusan. Apa yang perlu berubah ialah strategi menentukan yuran pengajaran dan pendekatan pelaksanaan.

Contohnya, tiga jenis struktur yuran diwujudkan dengan mengambil kira dasar negara dan perminataan atau kemampuan pelajar. Pertama, yuran seperti sekarang, iaitu bayaran sangat minimum dengan hampir 90 peratus mendapat subsidi kerajaan.

Yuran jenis ini diperuntukkan kepada warga miskin, kurang berasib baik atau tidak berkemampuan tetapi mempunyai anak cerdik serta layak masuk ke universiti.

Kedua, bagi warga berkemampuan atau mendapat biasiswa penuh, yuran dikenakan mengikut kos sebenar pengajaran tanpa subsidi. Bentuk kedua ini seloknya dijadikan program perdana, mempunyai

jumlah pelajar terbesar dan disajikan dengan pelbagai bentuk biasiswa melalui dana biasiswa, zakat, endowmen dan dana tanggungjawab sosial korporat (CSR) industri.

Ketiga, bagi pelajar warga asing atau ibu bapa yang ingin anaknya bercampur dengan pelajar antarabangsa. Hanya program terpilih berasaskan kekuatan universiti sahaja yang ditawarkan.

Kemudahan dan persekitaran perlu mengikut piaawaian antarabangsa dengan kualiti tinggi bagi mewujudkan kelebihan bersaing. Yuran dikenakan adalah berdasarkan nilai pasaran, kualiti akademik atau nilai jenama global.

Dana penyelidikan terikat peraturan lama

Dengan pendekatan begini, tiada gangguan kepada syarat kemasukan, kualiti pendidikan dan cara program pengajaran dijalankan, termasuk penggunaan bahasa Inggeris atau bahasa asing lain.

Dana penyelidikan dalam negara pada masa ini terikat dengan peraturan lama memberikan tumpuan kepada hanya kos penyelidikan sahaja dibayaria. Pendekatan baharu perlu dicari bagi membolehkan dana penyelidikan meliputi sebahagian kos gaji penyelidik.

“ Jika ia dilakukan secara bijaksana, pembangunan satu produk unggul mencukupi untuk membiaya urusan universiti sepenuhnya ”



Ahli akademik perlu memberikan masa 20 peratus hingga 30 peratus daripada masa kerja untuk penyelidikan berkaitan masalah negara. Tentunya kos gaji perlu diambil kira, sekali gus dapat mengurangkan kos pengurusan universiti.

Sebetulnya, dalam konteks penyelidikan dan pembangunan, pelbagai bentuk dana boleh diperoleh secara pendanaan universiti. Sumber yang mudah ialah melalui wakaf, endowmen dan konsortium.

Banyak universiti di luar negara mendapat pembiayaan tinggi melalui dana jenis ini. Universiti juga perlu proaktif untuk mendapatkan dana melalui penyelidikan industri yang umumnya untuk menyelesaikan masalah pengeluaran, menambah baik produk dan memperkenalkan produk baharu. Struktur pendanaan juga boleh disesuaikan dengan pembayaran gaji akademik.

Universiti masih belum memberikan perhatian serius berkaitan perkhidmatan akademik. Urusan ini dibiarkan sahaja kepada ahli akademik, sama ada mahu melakukannya atau tidak. Penilaian untuk fungsi perkhidmatan rendah dan ada universiti menganggap, perkhidmatan utama ahli akademik ialah menjadi dekan, pengarah, ketua jabatan dan jawatankuasa dalam universiti.

Perkhidmatan akademik yang dimaksudkan ialah menjalankan kerja penasihat dan perundingan, sekali gus memindah ilmu kepada kerajaan, swasta dan masyarakat. Dalam konteks ini, kerjasama, jarangan dan kepercayaan diperlukan untuk kesertiaran.

Hasrat untuk mewujudkan ‘perniagaan universiti’ bukan untuk menjalankan perniagaan biasa-biasa. Ia tercusus daripada wujudnya lompat ketara antara ‘inovasi teknologi’ dengan ‘perniagaan berteknologi tinggi’.

Banyak hasil inovasi berpotensi tinggi terbiasa atau tidak dioptimumkan dalam dunia perniagaan. Walaupun ada usaha berterusan oleh pelbagai pihak untuk menjayakan program ini, dasar dan komitmen universiti masih rendah untuk mengambil peluang keemasan tersedia.

Bayangkan, jika ia dilakukan secara bijaksana, pembangunan satu produk unggul mencukupi untuk membiaya urusan universiti sepenuhnya.

Mandat dan fungsi universiti sebagai institusi unggul mengenai pengajaran tinggi, penyelidikan ufuk ilmu serta perkhidmatan akademik boleh sahaja dilaksanakan dalam suasana penjanaan pendapatan dan perniagaan sekiranya dasar dan strategi dinyatakan dengan jelas.

Apa yang tidak diinginkan ialah perniagaan tak sub keuntungan sehingga menjadikan kualiti, etika dan falsafah pendidikan tinggi.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: PINDAAN TERBAHARU AUKU PERLUAS KEGIATAN MAHASISWA DI KAMPUS

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 08

TARIKH : 19/03/2024

8

Nasional

• Selasa, 19 Mac 2024 BH

Pindaan terbaru AUKU perluas kegiatan mahasiswa di kampus

Lebih banyak ruang kebebasan dan hak pelajar diberikan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 terbaharu yang diluluskan di Dewan Rakyat semalam, menyaksikan ruang lebih besar kepada pelajar terbabit dalam kegiatan kampus sejajar usaha memperkasa dan meningkatkan mutu mahasiswa.

Pindaan yang mendapat undian sebulat suara Ahli Parlimen itu membabitkan Seksyen 15 dan 16B AUKU serta Seksyen 48(4), Seksyen 48(11), Seksyen 48(12) dan Seksyen 49(2) Jadual Pertama AUKU.

Terdahulu, RUU itu dibentang bagi bacaan kali kedua dan digulung oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir selepas dibahaskan 22 Ahli Parlimen, termasuk pembangkang.

Bacaan kali pertama RUU itu dibentang 27 November 2023 oleh Menteri Pendidikan Tinggi ketika itu, Datuk Seri Mohamed

Khaled Nordin.

Ini adalah pindaan terkini dibuat ke atas akta itu selepas kali terakhir pada 10 Disember 2018, iaitu pemansuhan sepenuhnya Seksyen 15(2)(c) yang menghalang mahasiswa terbabit dalam kegiatan politik di kampus.

Pindaan pada 2012 pula membenarkan mahasiswa menyertai kegiatan anjuran parti politik di luar kampus.

Untuk rekod, AUKU sudah tujuh kali dipinda sejak diperkenalkan pada 1971. AUKU turut dipinda pada 1983, 1996 dan 2009.

Menerusi pindaan kali ini menyaksikan tindakan tatatertib ke atas pelajar di universiti awam tidak lagi tertakluk di bawah kuasa Naib Canselor, sebaliknya akan diputuskan oleh Jawatankuasa Tatatertib Pelajar iaitu menerusi pindaan Seksyen 16B AUKU.

Selain itu, pindaan menyaksikan penambahbaikan kepada Seksyen 15A yang membenarkan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan badan pelajar memungut wang dan menerima sumbangan tertakluk kepada peraturan dan undang-undang bertulis yang berkuat kuasa.

Bagaimanapun, seksyen itu masih tidak membenarkan pelajar atas kapasiti individu terbabit dengan aktiviti pungutan wang atau penerimaan wang atau apa-apa sumbangan kecuali jika tindakan berkenaan dibuat atas nama atau



Pindaan terbaru AUKU memberi ruang kepada mahasiswa menjalankan aktiviti tanpa perlu memohon kelulusan daripada pentadbiran universiti.

(Foto hiasan)

bagi pihak MPP atau mana-mana badan pelajar universiti.

Bagi pindaan ke atas Seksyen 48(4) Jadual Pertama AUKU, membolehkan pihak berkuasa universiti iaitu lembaga menguruskan tempoh pelantikan MPP dalam tempoh peralihan selepas tamat tempoh lantikan sehingga Pilihan Raya Kampus diadakan, dengan tempoh lantikan MPP dipinda daripada satu tahun kepada satu tahun akademik.

Panduan kepada MPP

Bagi pindaan ke Seksyen 48(12A), diwujudkan peraturan am yang akan dijadikan sebagai panduan kepada MPP dan pemegang jawatan dalam menguruskan kumpulan wang atau akaun,

contohnya untuk tujuan pengeluaran resit rasmi bagi penerimaan wang, sumbangan yang boleh diterima dan lain-lain.

Pindaan terakhir ke atas akta itu melibatkan Seksyen 49(2), yang menyaksikan badan pelajar universiti turut akan menerima kemudahan sama seperti yang diterima oleh MPP.

Ketika menggulung RUU pindaan itu, Zambry menjelaskan perubahan Jawatankuasa Tatatertib Pelajar tidak akan melibatkan penyertaan wakil pelajar.

"Cadangan tambah wakil pelajar ke Jawatankuasa Tatatertib Pelajar adalah satu usaha murkin."

"Penglibatan pelajar dalam jawatankuasa bagaimanapun tidak sesuai atas faktor mahasiswa adalah pihak yang dikawal selia dan mempunyai kepentingan dalam kes yang dibicarakan."

"Prinsip pengasingan kuasa harus dikekalkan," katanya sambil menjelaskan ada ruang untuk kerajaan mengukuhkan lagi AUKU dari semasa ke semasa dan akta berkenaan bukan bersifat statik.

Selain itu, Zambry juga menjelaskan pindaan terbaru AUKU turut memberi ruang kepada mahasiswa menjalankan aktiviti tanpa perlu memohon kelulusan daripada pentadbiran universiti, sekali gus menyelesaikan isu birokrasi yang sering dibangkitkan pelajar.

TAJUK: ARKIB SENJATA PERTAHAN HAK DAN KEDAULATAN NEGARA

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 17

TARIKH : 19/03/2024

Rencana

Arkib senjata pertahan hak dan kedaulatan negara



MOHD KAMAL AHMAD

REKOD dan dokumen negara adalah 'senjata' penting menghadapi tekanan globalisasi, kerencaman perundangan, teknologi digital dan manipulasi kecerdasan buatan (AI). Semuanya boleh mengancam kedaulatan, hak kedaulatan serta kepentingan wilayah negara. Sebagai aset nasional, semua bahan arkib negara masih di tahap selamat sementara waktu ini tetapi bakal berdepan ancaman serius termasuk apabila teknologi digital dan AI semakin maju.

Bagaimana Arkib Negara Malaysia (ANM) akan mempertahankan kedaulatan maritim khususnya zon ekonomi eksklusifnya (ZEE) di Laut China Selatan? Apakah Malaysia mampu lolos dalam persaingan geopolitik dan survival ekonomi yang kian sengit di perairan ini selain manipulasi predator teknologi digital dan AI?

Percayalah bakal muncul antaranya, penjenayah atau *scammer* yang akan memplagiat atau mengubah suai 'rekod atau dokumen tertentu' mengikut kehendak atau keperluan pihak tertentu. Di pihak penjenayah, matlamat mereka adalah meraih keuntungan komersial. Namun, matlamat pihak pelanggan adalah mencetuskan pertikaian seterusnya membuat tuntutan terhadap hak dan kedaulatan wilayah negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pernah berkata: "...Di Laut China Selatan, kita melihat unsur-unsur persaingan kuasa besar meresap ke dalam pertikaian wilayah, secara sengaja atau sebaliknya..."

Sejarah pendirian Malaysia yang mendokong prinsip ASEAN yang berkecuali dan menyokong penyelesaian konflik secara aman menerusi rundingan mengikut undang-undang antarabangsa namun kesiapsiagaan rekod dan dokumen negara adalah amat penting untuk digembung bila-bila masa bagi menghadapi sebarang



MALAYSIA juga perlu melindungi aset nasional iaitu arkib yang akan digunakan sebagai 'senjata' bagi mempertahankan hak dan kedaulatan wilayah negara ini. - ARKIB NEGARA MALAYSIA

kemungkinan.

Justeru, Malaysia sepatutnya sudah mengorak langkah membina pasukan pakar bagi menyelamatkan semua bahan arkib sebelum ada pihak yang 'maju selangkah di hadapan' mengemukakan 'rekod atau dokumen baharu lebih asli' bagi menuntut hak serta kedaulatan wilayah negara.

Negara juga perlu mempunyai pasukan pakar mengeksplorasi rekod dan dokumen negara di seberang laut. Kemudian membuat salinan dan membawanya pulang bagi melengkapkan bahan dan memperkuatkannya hujah dalam mahkamah andai berlaku sesuatu tuntutan pihak kelak.

Banyak negara telah meminda akta atau ordinan berkaitan arkib masing-masing. Selain mewujudkan beberapa lapisan tadbir urus termasuk panel suruhanjaya, ada negara melantik pakar bagi memperkuatkannya arkibnya. Pihak berkuasa saintifik dan teknikal turut diwujudkan bagi menangani jenayah arkib yang menggunakan teknologi tinggi selain merangka peraturan dan perundangan serta menasihati kerajaan berkaitan arkib.

Inilah antara inisiatif dalam membangunkan arkib digital, seterusnya membina arkib negara yang kalis masa hadapan. Malaysia juga perlu melakukan perkara sama untuk melindungi aset nasional itu yang akan digunakan sebagai 'senjata' mempertahankan hak dan

"Pasukan pakar perundangan arkib perlu menjadi keutamaan bagi menghadapi isu kedaulatan data serta tuntutan wilayah pada masa depan."

kedaulatan wilayah negara ini.

Ada juga negara membuat ketetapan bahawa sistem perlindungan keselamatan maritim bukan sahaja ditakrifkan oleh kuasa militer bahkan melalui arkib rekod dan dokumentasi yang sah. Oleh itu, Malaysia perlu mengambil ketetapan serupa kerana rata-rata pertikaian dan tuntutan hak sempadan berlaku membabitkan wilayah maritim negara. Hanya arkib negara yang komprehensif, berteknologi tinggi dan cekap sahaja dapat menjamin kesahihan serta keselamatan sempadan maritim sekali gus kedaulatan negara.

Merujuk kepada rencana bertajuk Andai Arkib Negara dianugerah 'Diraja' (Utusan Malaysia, 1 Mac 2024 maka penubuhan Arkib Diraja Malaysia (ADM) mungkin intipati dan jawapan kepada keperluan membina pertahanan

melindungi kedaulatan maritim dan wilayahnya selain memperkasakan armada tentera laut. Penubuhan ADM bukan mereformasi sistem arkib negara semata-mata tetapi mentransformasi keseluruhan institusi menjadi benteng negara yang kukuh dan kebal dalam mempertahankan hak serta kedaulatan seluruh wilayahnya.

Turut perlu diberi perhatian ANM pada era teknologi digital adalah berkaitan isu kedaulatan data milik rakyat, firma maupun kerajaan yang berada dalam sistem perkomputeran global. Mengikut Akta 629, sebahagian rekod dan dokumen itu mungkin perlu diserahkan kepada Arkib Negara Malaysia (ANM) apabila cukup tempoh lima tahun kerana mempunyai nilai kepentingan nasional termasuk kedaulatan.

Justeru, proses mentransformasi ANM turut wajar memberi perhatian kepada isu perundangan berkait kedaulatan data Malaysia yang mungkin tertakluk kepada undang-undang di negara mana data itu berada dan mesti kekal dalam sempadan negara itu. Jadi, memiliki pasukan pakar perundangan arkib perlu menjadi keutamaan ketika hendak membina arkib negara masa depan selain menghadapi isu kedaulatan data serta tuntutan wilayah pada masa depan.

Malaysia perlu sensitif dan

bersikap proaktif berkaitan isu data negara di luar sempadan. Ia wajar diselesaikan secara global kerana kerajaan serta rakyat masing-masing mesti diberi hak untuk melindungi maklumat rekod dan dokumennya daripada sebarang penyalahgunaan, manipulasi, jenayah atau komersial pihak ketiga.

Dalam Sesi Kamar Khas Suruhanjaya Siasatan Diraja Mengenai Pulau Batu Puteh pada 26 Februari 2024 lalu, antara rumusan pembentangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said adalah pentingnya pihak terlibat mematuhi prosedur dan proses perundangan bagi setiap kes tuntutan yang dihadapi.

Antaranya, proses aliran pemakluman, pemberitahuan dan nasihat yang disalurkan termasuk kepada jemaah menteri serta keputusan proses perundingan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri serta Majlis Raja-Raja Melayu berkait perkara tersebut seperti ketetapan yang termaktub dalam Perlumbagaan Persekutuan.

Ternyata amat penting pengendalian semua perkara berkaitan kes Pulau Batu Puteh termasuk pelaksanaan prosedur dan secara khusus daripada aspek perundangan. Jadi, boleh dirumuskan bahawa menguasai perundangan, memahami tata kelola serta pelaksanaan prosedur berkaitan arkib yang betul adalah antara elemen amat perlu dan penting dalam pengendalian semua perkara berkaitan kes serupa termasuk pada masa akan datang.

Ini boleh dicapai antaranya menerusi inisiatif permodenan sistem dan mentransformasi institusi arkib negara untuk menjadi benteng pertahanan kedua yang mampu menghalang tragedi hitam yang meragut kedaulatan negara, daripada berulang. Lagipun, jika diterjemahkan secara langsung apa yang tentera lakukan bagi pertahanan adalah sama konsepnya dengan peranan arkib iaitu 'berlatih dan bersedia menghadapi konflik'.

TAJUK: ARKIB SENJATA PERTAHAN HAK DAN KEDAULATAN NEGARA

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 17

TARIKH : 19/03/2024

Rencana

Arkib senjata pertahan hak dan kedaulatan negara



MOHD KAMAL AHMAD

REKOD dan dokumen negara adalah 'senjata' penting menghadapi tekanan globalisasi, kerencaman perundangan, teknologi digital dan manipulasi kecerdasan buatan (AI). Semuanya boleh mengancam kedaulatan, hak kedaulatan serta kepentingan wilayah negara. Sebagai aset nasional, semua bahan arkib negara masih di tahap selamat sementara waktu ini tetapi bakal berdepan ancaman serius termasuk apabila teknologi digital dan AI semakin maju.

Bagaimana Arkib Negara Malaysia (ANM) akan mempertahankan kedaulatan maritim khususnya zon ekonomi eksklusifnya (ZEE) di Laut China Selatan? Apakah Malaysia mampu lolos dalam persaingan geopolitik dan survival ekonomi yang kian sengit di perairan ini selain manipulasi predator teknologi digital dan AI?

Percayalah bakal muncul antaranya, penjenayah atau *scammer* yang akan memplagiat atau mengubah suai 'rekod atau dokumen tertentu' mengikut kehendak atau keperluan pihak tertentu. Di pihak penjenayah, matlamat mereka adalah meraih keuntungan komersial. Namun, matlamat pihak pelanggan adalah mencetuskan pertikaian seterusnya membuat tuntutan terhadap hak dan kedaulatan wilayah negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pernah berkata: "...Di Laut China Selatan, kita melihat unsur-unsur persaingan kuasa besar meresap ke dalam pertikaian wilayah, secara sengaja atau sebaliknya..."

Sejarah pendirian Malaysia yang mendokong prinsip ASEAN yang berkecuali dan menyokong penyelesaian konflik secara aman menerusi rundingan mengikut undang-undang antarabangsa namun kesiapsiagaan rekod dan dokumen negara adalah amat penting untuk digembung bila-bila masa bagi menghadapi sebarang



MALAYSIA juga perlu melindungi aset nasional iaitu arkib yang akan digunakan sebagai 'senjata' bagi mempertahankan hak dan kedaulatan wilayah negara ini. - ARKIB NEGARA MALAYSIA

kemungkinan.

Justeru, Malaysia sepatutnya sudah mengorak langkah membina pasukan pakar bagi menyelamatkan semua bahan arkib sebelum ada pihak yang 'maju selangkah di hadapan' mengemukakan 'rekod atau dokumen baharu lebih asli' bagi menuntut hak serta kedaulatan wilayah negara.

Negara juga perlu mempunyai pasukan pakar mengeksplorasi rekod dan dokumen negara di seberang laut. Kemudian membuat salinan dan membawanya pulang bagi melengkapkan bahan dan memperkuatkannya hujah dalam mahkamah andai berlaku sesuatu tuntutan pihak kelak.

Banyak negara telah meminda akta atau ordinan berkaitan arkib masing-masing. Selain mewujudkan beberapa lapisan tadbir urus termasuk panel suruhanjaya, ada negara melantik pakar bagi memperkuatkannya arkibnya. Pihak berkuasa saintifik dan teknikal turut diwujudkan bagi menangani jenayah arkib yang menggunakan teknologi tinggi selain merangka peraturan dan perundangan serta menasihati kerajaan berkaitan arkib.

Inilah antara inisiatif dalam membangunkan arkib digital, seterusnya membina arkib negara yang kalis masa hadapan. Malaysia juga perlu melakukan perkara sama untuk melindungi aset nasional itu yang akan digunakan sebagai 'senjata' mempertahankan hak dan

"Pasukan pakar perundangan arkib perlu menjadi keutamaan bagi menghadapi isu kedaulatan data serta tuntutan wilayah pada masa depan."

kedaulatan wilayah negara ini.

Ada juga negara membuat ketetapan bahawa sistem perlindungan keselamatan maritim bukan sahaja ditakrifkan oleh kuasa militer bahkan melalui arkib rekod dan dokumentasi yang sah. Oleh itu, Malaysia perlu mengambil ketetapan serupa kerana rata-rata pertikaian dan tuntutan hak sempadan berlaku membabitkan wilayah maritim negara. Hanya arkib negara yang komprehensif, berteknologi tinggi dan cekap sahaja dapat menjamin kesahihan serta keselamatan sempadan maritim sekali gus kedaulatan negara.

Merujuk kepada rencana bertajuk Andai Arkib Negara dianugerah 'Diraja' (Utusan Malaysia, 1 Mac 2024 maka penubuhan Arkib Diraja Malaysia (ADM) mungkin intipati dan jawapan kepada keperluan membina pertahanan

melindungi kedaulatan maritim dan wilayahnya selain memperkasakan armada tentera laut. Penubuhan ADM bukan mereformasi sistem arkib negara semata-mata tetapi mentransformasi keseluruhan institusi menjadi benteng negara yang kukuh dan kebal dalam mempertahankan hak serta kedaulatan seluruh wilayahnya.

Turut perlu diberi perhatian ANM pada era teknologi digital adalah berkaitan isu kedaulatan data milik rakyat, firma mahupun kerajaan yang berada dalam sistem perkomputeran global. Mengikut Akta 629, sebahagian rekod dan dokumen itu mungkin perlu diserahkan kepada Arkib Negara Malaysia (ANM) apabila cukup tempoh lima tahun kerana mempunyai nilai kepentingan nasional termasuk kedaulatan.

Justeru, proses mentransformasi ANM turut wajar memberi perhatian kepada isu perundangan berkait kedaulatan data Malaysia yang mungkin tertakluk kepada undang-undang di negara mana data itu berada dan mesti kekal dalam sempadan negara itu. Jadi, memiliki pasukan pakar perundangan arkib perlu menjadi keutamaan ketika hendak membina arkib negara masa depan selain menghadapi isu kedaulatan data serta tuntutan wilayah pada masa depan.

Malaysia perlu sensitif dan

bersikap proaktif berkaitan isu data negara di luar sempadan. Ia wajar diselesaikan secara global kerana kerajaan serta rakyat masing-masing mesti diberi hak untuk melindungi maklumat rekod dan dokumennya daripada sebarang penyalahgunaan, manipulasi, jenayah atau komersial pihak ketiga.

Dalam Sesi Kamar Khas Suruhanjaya Siasatan Diraja Mengenai Pulau Batu Puteh pada 26 Februari 2024 lalu, antara rumusan pembentangan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said adalah pentingnya pihak terlibat mematuhi prosedur dan proses perundangan bagi setiap kes tuntutan yang dihadapi.

Antaranya, proses aliran pemakluman, pemberitahuan dan nasihat yang disalurkan termasuk kepada jemaah menteri serta keputusan proses perundingan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri serta Majlis Raja-Raja Melayu berkait perkara tersebut seperti ketetapan yang termaktub dalam Perlumbagaan Persekutuan.

Ternyata amat penting pengendalian semua perkara berkaitan kes Pulau Batu Puteh termasuk pelaksanaan prosedur dan secara khusus daripada aspek perundangan. Jadi, boleh dirumuskan bahawa menguasai perundangan, memahami tata kelola serta pelaksanaan prosedur berkaitan arkib yang betul adalah antara elemen amat perlu dan penting dalam pengendalian semua perkara berkaitan kes serupa termasuk pada masa akan datang.

Ini boleh dicapai antaranya menerusi inisiatif permodenan sistem dan mentransformasi institusi arkib negara untuk menjadi benteng pertahanan kedua yang mampu menghalang tragedi hitam yang meragut kedaulatan negara, daripada berulang. Lagipun, jika diterjemahkan secara langsung apa yang tentera lakukan bagi pertahanan adalah sama konsepnya dengan peranan arkib iaitu 'berlatih dan bersedia menghadapi konflik'.

PENULIS adalah pengamal dan perunding media, komunikasi, penulisan serta penerbitan.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: DASAR MALAYSIA CARI PELABUR, PULIH EKONOMI NEGARA - PM

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 03

TARIKH : 19/03/2024

Dalam Negeri

19 Mac 24 h 3
utusan malaysian



ANWAR Ibrahim selepas Perjumpaan Bersama Warga Jabatan Perdana Menteri Bagi Bulan Mac 2024 di Puspanitapuri di Putrajaya semalam.
- UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Dasar Malaysia cari pelabur, pulih ekonomi negara - PM

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia tidak bermusuhan dengan mana-mana negara sebaliknya mengamalkan dasar luar secara menyeluruh bagi menarik pelaburan dan memulihkan ekonomi negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sebagai sebuah negara kecil, Malaysia mahu lebih berkembang untuk menjaga kemaslahatan rakyat.

Menurut beliau, langkah itu akan dilaksanakan biarpun ada negara barat yang sangsi

hubungan baik Malaysia dengan China, malah berpendirian tegas dalam soal Palestin.

"Cuma ada beberapa hal yang dibesarkan, soal Palestin dan China kerana banyak negara Barat agak sangsi mengapa nampak kita berdamping dengan China dan jawapan saya mudah, kita negara kecil, kita mahu berkembang, kita juga kemaslahatan rakyat."

"Jadi apabila saya ditanya soalan, bab Chinafobia atau Sino-fobia, saya jawab tak ada sebab untuk ada permusuhan dan antisesiapa," kata Perdana Menteri ketika berucap dalam perhimpunan bulanan bersama

warga Jabatan Perdana Menteri, di sini semalam.

Menurut Anwar, hubungan dengan semua negara dalam soal kerjasama pelaburan amat baik dengan mengambil pendekatan sama bagi menggalakkan pelaburan timur dan barat yang memberi manfaat kepada negara.

Jelasnya, walaupun turut berbeza pendapat dengan Amerika Syarikat (AS) dalam isu memperjuangkan rakyat Palestin, Malaysia bersuara dengan terang dan jelas, malah ketika pertemuan dengan Canselor Jerman, Olaf Scholz baru-baru ini juga Malaysia menyatakan

pendirian sama.

"Di Australia, saya ditanya mengapa Malaysia pilih untuk mendukung China, saya jawab permasalahan persaingan AS dan China dalam penguasaan teknologi itu adalah masalah mereka. Tetapi apa yang terbaik di Eropah atau China kita rangkul semua, mengapa nak adakan sikap permusuhan."

"Di Jerman saya menyatakan, adakah kerana mereka menyokong Israel kita mengizinkan pembantaiann di Gaza? Jadi mereka sebut bersetuju untuk dilakukan genjatan senjata dan tambah bantuan di Palestin," katanya.

TAJUK: 'ADA PIHK BERKEPENTINGAN MAHU CAMPUR URUS TADBIR MAHASISWA'

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 06

TARIKH : 20/03/2024

6

Nasional

Rabu, 20 Mac 2024 BH

'Ada pihak berkepentingan mahu campur urus tadbir mahasiswa'

Persatuan mahasiswa persoal pindaan AUKU didapati tak selaras matlamat perkasa pelajar

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pindaan Rang Undang-Undang Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 yang diluluskan di Dewan Rakyat kelmarin memperlihatkan seolah-olah wujud pihak berkepentingan yang masih mahu mencampuri urus tadbir mahasiswa di universiti.

Perkara itu dinyatakan persatuan mahasiswa di beberapa universiti terutama merujuk penambahan dilakukan kepada Seksyen 48(4) Jadual Pertama berhubung tempoh lantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang dipinda daripada satu tahun kepada satu tahun akademik.

RUU AUKU Pindaan 2023 menambah subseksyen 4a yang menetapkan kuasa menentukan tempoh perkhidmatan MPP bagi universiti awam terletak pada kuasa Ahli Lembaga Pengarah Universiti.

Pengerusi Angkatan Mahasiswa Universiti Malaya, Muhammad Aiman Dhaifullah Dzulkarnain berkata, pindaan berhubung tempoh MPP yang boleh dipanjangkan atau dipendekkan ini secara tidak langsung mencalar autonomi kepada pihak Kesatuan Mahasiswa dan Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus.

Beliau menegaskan, mahasiswa seharusnya diberikan autonomi dalam menguruskan hal pentadbiran secara sendiri tanpa campur tangan mana-mana pihak.

"KPT (Kementerian Pendidikan Tinggi) seharusnya berpendirian tetap jika ingin memberi autonomi atau memperkasa mahasiswa pada pandangan kami, penambahan kepada Seksyen 48 ini tidak selari dengan apa yang dicanangkan kerajaan."

"Pindaan ini akan memberi kesan dan menambah keraguan dalam kalangan mahasiswa terhadap kementerian terbabit, seolah-olah tidak serius menangani permasalahan di universiti," katanya.

TAJUK: PINDAAN AUKU LAHIR PEMIMPIN LEBIH BAIK

SUMBER: UTUSAN MALAYSIA MUKA SURAT : 15

TARIKH : 29/03/2024

Rencana

CAKNA

Oleh
Ku Amirul
Faiz Ku Seman

ADA 18 Mac 2024 lalu, Dewan Rakyat sebulat suara meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Akta Universiti Kolej Universiti (Pindaan) 2023 (AUKU). Pindaan AUKU ini dijangka akan dibentangkan kelak di Dewan Negara pada April 2024 untuk kelulusan sebelum diwarta dan digazetkan kelak. AUKU pernah menjalani pindaan pada tahun 1971, 1975, 1983, 1996, 2009, 2012 dan kali terakhir pada 2018.

Sejak dahulu, aktivis mahasiswa telah mendesak agar AUKU dimansuhkan sepenuhnya dan bukan sahaja dipinda peruntukan berkenaan mahasiswa semata-mata. Antara hujah yang menjadi sandaran adalah bahawa AUKU menyekat kebebasan dalam berpersatuan atau kebebasan partisipasi mahasiswa dalam parti politik.

Ini mengingatkan saya kepada kes mahkamah yang dikenali sebagai UKM4, bila mana mahasiswa universiti awam telah mencabar tindakan tatatertib ke atas mereka yang terbabit dalam kempen pilihan raya kecil. Kes ini akhirnya telah memberikan perubahan yang besar kepada peruntukan AUKU.

Namun, perlu difahami, AUKU bukan sahaja melibatkan hak mahasiswa tetapi ia berkenaan dengan pengurusan universiti dan kolej universiti. Malah akta ini bertujuan untuk mengawal dan menguruskan pendidikan tinggi di Malaysia.

Diakui bahawa sejak awal kewujudan AUKU terdapat peruntukan yang kontroversi terutamanya seksyen 15 AUKU berkenaan hak mahasiswa untuk menyertai parti politik. Walau bagaimanapun, pada tahun 2012, pindaan kepada seksyen 15 dilakukan dan kini mahasiswa universiti boleh menjadi ahli mana-mana persatuan termasuk parti politik meskipun mahasiswa masih tidak boleh memegang jawatan dalam parti politik dan terlibat dalam aktiviti parti politik di dalam kampus.

Kini, RUU AUKU 2023 juga membawa perubahan yang signifikan dan dilihatkan memberikan lebih kuasa autonomi kepada mahasiswa dalam mengelolakan



PINDAAN AUKU kali ini memberikan lebih hak kepada mahasiswa untuk menguruskan hal ehwal dan perjalanan badan-badan mahasiswa.
- GAMBAR HIASAN

Pindaan AUKU lahir pemimpin lebih baik

persatuan mahasiswa itu sendiri. Misalnya, seksyen 15A memberikan kebenaran kepada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Badan Pelajar untuk memungut wang atau menerima sumbangan lain. Peruntukan ini menambah baik ke arah kemandirian MPP itu sendiri dalam kampus yang mana sebelum ini mahasiswa tidak boleh sama sekali memungut wang.

Khususnya, pindaan RUU AUKU 2023 juga dapat menyentuh kepada peruntukan dalam seksyen 48(4), 48(11), 48(12A) dan seksyen 49(2) Jadual Pertama. Seksyen 48(4) Jadual Pertama menetapkan bahawa tempoh lantikan MPP berdasarkan kalender akademik berbanding hanya dinyatakan sekadar setahun pada AUKU yang asal.

Begini juga dalam seksyen 48(11) di mana pindaan memperuntukkan bahawa universiti boleh mewujudkan apa-apa kumpulan wang untuk diuruskan oleh MPP mengikut peraturan yang dikenakan oleh pihak lembaga. Manakala subseksyen 12A pula menyatakan bahawa lembaga mempunyai kuasa untuk membuat peraturan berkaitan pemungutan wang.

Selain itu, juga pindaan

“Satu mekanisme perlu diperkenalkan untuk memastikan pengurusan badan persatuan dan kewangan mahasiswa dilakukan dengan lebih tertib.”

di seksyen 16B AUKU menyebut tentang pertukaran Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar Universiti daripada Naib Canselor kepada Jawatankuasa Tertib Pelajar yang ditubuhkan oleh lembaga.

Jawatankuasa ini pula mempunyai sekurang-kurangnya tiga orang ahli yang terdiri daripada Timbalan Naib Canselor sebagai pengurus dan pekerja universiti yang dilantik oleh lembaga. Pindaan ini bermakna Naib Canselor tidak lagi mempunyai kuasa mutlak tetapi ia diganti oleh Jawatankuasa Tatatertib Pelajar agar wujud jelas ketelusan dalam

proses tatatertib terhadap mahasiswa.

Secara keseluruhan, pindaan AUKU kali ini memberikan lebih hak kepada mahasiswa untuk menguruskan hal ehwal dan perjalanan badan-badan mahasiswa. Sememangnya melalui undang-undang ini diharapkan mahasiswa menjadi lebih bersedia untuk berpartisipasi dengan aktif dalam aktivisme mahasiswa.

Pun begitu, satu mekanisme dan ekosistem yang baik perlu diperkenalkan oleh kementerian dan pihak universiti untuk memastikan pengurusan badan persatuan dan kewangan mahasiswa dapat dilakukan dengan lebih tertib lagi agar pendidikan mengenai ketelusan akan dapat diterapkan sejak awal. Perlu diingat juga, universiti boleh menjadi platform mengasah kepimpinan dan idealisme orang muda namun ia perlu didukung seimbang dengan kesarjanaan dan integriti ilmu dan pengurusan mahasiswa.

Pindaan AUKU ini juga dilihat seiring dengan perubahan perundungan semasa. Lebih-lebih lagi memandangkan umur mengundi juga telah diturunkan kepada 18 tahun. Tidak cukup dengan itu juga,

had umur belia juga telah diturunkan kepada umur 30 tahun berkuat kuasa 2026. Maka pindaan yang selari merupakan suatu keperluan bagi menyediakan kepimpinan mahasiswa yang terdidik dan terlatih untuk meneruskan aktivisme mereka dalam masyarakat kelak.

Persepsi mahasiswa lesu dan tidak cakna kepada isu kemasyarakatan dan nasional mungkin boleh dikurangkan dengan pemberian autonomi yang lebih besar kepada badan-badan mahasiswa.

Namun apapun hujah bagi aktivisme mahasiswa, matlamat utama ke menara gading iaitu mencari ilmu sama sekali tidak boleh diprejudiskan dengan apa alasan sekalipun. Keutamaan untuk menamatkan pengajian dengan keputusan yang baik dan diimbangi dengan kegiatan aktif dalam badan-badan mahasiswa akan melahirkan pemimpin baharu yang lebih baik.

Pindaan demi pindaan terhadap AUKU telah dilakukan oleh kerajaan agar menyediakan ruang untuk menambah baik kebebasan mahasiswa. Tidak boleh dinafikan kebebasan yang diberikan melalui RUU AUKU 2023 adalah lebih baik berbanding dahulu. Kini hanya tinggal untuk dimanfaatkan oleh mahasiswa demi kelangsungan watan tercinta.

PENULIS merupakan pengamal undang-undang, Ahli Jawatankuasa Pusat Gabungan Pertubuhan Masyarakat Sivil Malaysia (MACSA) dan Ketua Penerangan Gabungan Pelajar Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS).

TAJUK: 5 TERAS HEMAT UBAH CARA KERJA LAPUK PENJAWAT AWAM

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 10

TARIKH : 29/03/2024

MukaSepuluhE-mel: bhrenanca@bh.com.my

BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

Jumaat, 29 Mac 2024 BH

5 teras HEMAT ubah cara kerja lapuk penjawat awam

- HEMAT didukung lima teras nilai iaitu Hijrah Tata Kelola, Empati Rakyat, Minda Pekin, Apresiasi Inovasi dan Telus Tadbiran. Sektor perkhidmatan awam perlu luwes dan bersedia berubah sesuai dengan hala tuju semasa kerajaan
- Penjawat awam perlu mempunyai kesediaan minda dan usaha untuk berubah daripada cara kerja lapuk kepada pendekatan baharu lebih efisien, berdaya maju dan memenuhi kehendak pemegang taruh serta pelanggan



Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Oleh **Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz**
bhrenanca@bh.com.my

Lebih setahun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meluncurkan Malaysia MADANI sebagai satu kerangka visi baharu negara.

Dasar ini bertujuan mewujudkan masyarakat Malaysia madani, maju, terampil dan terangkum. Sudah tentu, matlamat akhir dasar ini adalah untuk memastikan keseluruhan rakyat mengecap kehidupan lebih baik dan bermakna tanpa mengira status sosial mereka.

Bagi merealisasikan agenda Malaysia MADANI, anggota perkhidmatan awam dituntut memberikan sepenuh komitmen dan integriti bagi menterjemahkan setiap inisiatif serta program dirangka kerajaan.

Elemen nilai murni adalah kata kunci mengupayakan terjemahan hasrat kerajaan kepada pelaksanaan tindakan memberikan manfaat kepada rakyat secara menyeluruh.

Usaha mengukuhkan nilai positif ini bukan suatu dambaan baharu. Sebelum ini, beberapa slogan diutarakan kerajaan sebagai usaha mewujudkan dan memupuk amalan kerja yang baik dan berteraskan produktiviti.

Pelbagai elemen cuba diterapkan sama ada pengukuhan aspek nilai murni individu dan pematuhan prosedur serta gaya kepemimpinan, antaranya Bersih, Cekap dan Amanah serta Kepimpinan Melalui Teladan.

Hakikatnya, penjawat awam masih lagi terpalit dengan kerapuhan integriti seperti salah guna kuasa, ketirisan dana awam dan amalan rasuah.

Kegagalan membanteras isu ini akan memberikan impak kepada sistem penyampaian perkhidmatan dan merencangkan kepercayaan rakyat kepada organisasi awam.

Audit nilai dijalankan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) juga memperlihatkan keimbangan terhadap pegangan nilai penjawat awam.

Berdasarkan lima domain kajian Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN) ke atas 684 agensi, skor nilai peribadi mencatatkan 81.45 peratus (2023), suatu angka masih boleh diperbaiki.

Namun, skor bagi nilai organisasi sedikit merosot kepada 78.07 peratus (2023) berbanding penilaian terdahulu mencatatkan skor 78.33 peratus (2021).

Statistik Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung tangkapan kes rasuah

penjawat awam turut menghasilkan angka masih menggusarkan.

Meskipun trend tangkapan penjawat awam ini semakin menyusut iaitu daripada 47.68 (2019) kepada 38.43 peratus (2023), namun angka 437 kes membabitkan penjawat awam pada 2023 masih lagi tinggi.

Begitu pun, pencapaian Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) memberikan sedikit kelebihan. Kedudukan negara kini melonjak pada tangga ke-57 dengan skor sebanyak 50 mata.

Kajian terdahulu begitu banyak mengaitkan dengan kerangka nilai ideal, penerapan pegangan agama serta manipulasi nilai demi kepentingan dan survival diri secara negatif seperti sindrom Little Napoleon

Maka, penjawat awam disarankan kembali semula kepada nilai murni yang pernah suatu masa dahulu begitu gah menjadi rujukan dan panduan seperti Citra Karya, Tonggak 12 dan 10 Usaha Pengukuhan Modal Insan.

Malah, usul ini disegarkan kembali Perdana Menteri ketika Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi Mac tahun ini yang menyuruh seluruh penjawat awam berpegang kepada nilai spiritual dalam melaksanakan tugasan.

Pegangan nilai ini perlu diterapkan secara bersungguh-sungguh kepada peringkat sekecil-kecilnya dalam perkhidmatan awam iaitu pengukuhan individu.

Seterusnya, budaya positif ini akan mengupayakan mekanisme penggerak The G.R.E.A.T Civil Service bagi merealisasikan agenda nasional dalam membangunkan Malaysia MADANI.

Amanat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam 2024 menggariskan HEMAT sebagai pegangan baharu nilai-nilai penjawat awam. HEMAT merujuk kepada pembenturan sikap untuk membelanjakan dana awam secara berwaspada dan pada masa sama menjalankan tugas dengan penuh penelitian.

Perkhidmatan awam perlu sedia berubah

HEMAT didukung lima teras nilai iaitu Hijrah Tata Kelola, Empati Rakyat, Minda Pekin, Apresiasi Inovasi dan Telus Tadbiran.

Sektor perkhidmatan awam perlu luwes dan bersedia berubah supaya sesuai dengan hala tuju semasa kerajaan. Justeru, penjawat awam perlu mempunyai kesediaan minda dan usaha untuk berubah daripada suatu cara kerja lapuk kepada pendekatan baharu lebih efisien, berdaya maju dan memenuhi kehendak pemegang taruh serta pelanggan.

Sesuatu perubahan hanya akan berjaya dengan kesepaduan pelaksanaan inisiatif melalui komunikasi yang berkesan.

Penjawat awam juga perlu bertindak sebagai ejen kepada kerajaan dalam menyantuni rakyat. Setiap permasalahan rakyat perlu didengari serta diperhalusi, seterusnya dikemukakan untuk pertimbangan kerajaan.

Segala inisiatif dan program dipersetujui perlu disegearkan pelaksanaannya demi kemaslahatan rakyat. Dalam konteks ini, aspek ketepatan adalah elemen penting bagi memastikan setiap permasalahan dapat ditangani secara tuntas.

Kerjasama politik

Pengukuran prestasi sesebuah organisasi tidak hanya terikat dengan keupayaan membelanjakan dana semaksimum mungkin. Situasi ini memberikan suatu isyarat kepada penjawat awam untuk sentiasa berfikir kreatif dan inovatif dalam melaksanakan tugas.

Kerjasama strategik adalah elemen penting dalam memastikan penyelesaian tugas dengan perbelanjaan kos rendah, penggunaan sumber manusia optimum dan berupaya mengelakkan berlakunya pertindihan fungsi.

Ledakan digitalisasi menyaksikan pelbagai aplikasi digital semakin berkembang dan penting kepada kehidupan sehari-hari. Penjawat awam tidak boleh tenggelam dalam arus perubahan ini.

Idea inovasi baharu perlu diteroka supaya proses kerja sedia ada menjadi lebih kemas, pantas dan mudah dicapai. Inisiatif PADU, AI untuk Rakyat, dan My Digital ID adalah antara usaha kerajaan memartabatkan penyampaian perkhidmatan.

Penjawat awam juga perlu mempunyai nilai integriti kukuh dalam melaksanakan tugas. Sehubungan itu, penjawat awam seharusnya mengamalkan 'semak dan imbang' dalam setiap tugas dilaksanakan.

Hal ini dapat menghasilkan kesan berganda kepada tugasan, iaitu memelihara integriti proses dan meningkatkan kualiti penghasilan. Pegangan nilai baharu ini adalah usaha pemupukan budaya kerja positif bagi penjawat awam.

Pengukuhan nilai ini dapat dicapai melalui penyemaian tiga prinsip dalam pelaksanaan tugas sehari-hari iaitu memudahkan (*facilitate*), menyuaikan (*accommodate*), dan menyeferakan (*accelerate*).

Modal insan perkhidmatan awam yang mempunyai sikap positif, kompetensi mencukupi dan pengetahuan luas adalah aset penting bagi realisasikan agenda kerajaan dalam menyejahterakan rakyat.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH